


# MISI MEMBURU KUALITI

---

LAPORAN TAHUNAN 2013





LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2013





# Teguh Menyahut Cabaran

Terdapat hanya beberapa lokasi yang menarik untuk perniagaan di dunia selain daripada Malaysia. Negara telah menikmati peningkatan FDI bersih sebanyak 22 peratus iaitu sebanyak 12 bilion dolar pada tahun 2013, menjadikan Malaysia penerima ketujuh tertinggi pelaburan langsung asing (FDI) di Asia mendahului Republik Korea, Vietnam dan Taiwan. Sebagai perbandingan, FDI global meningkat sembilan peratus pada tahun 2013 (6.7 peratus direkodkan oleh negara-negara membangun).

**D**ari segi keuntungan FDI, Malaysia menduduki tempat ke-11 di antara 20 ekonomi teratas dengan kadar pulangan FDI sebanyak 17 peratus pada tahun 2012, jauh lebih tinggi daripada purata global sebanyak tujuh peratus atau purata kadar pulangan di kalangan ekonomi membangun (8 peratus), ekonomi peralihan (13 peratus) dan ekonomi maju (5 peratus).

Dengan rekod prestasi yang kukuh, tidak hairanlah bahawa Bank Dunia telah menyenaraikan Malaysia ditangga ke-6 terbaik di dunia dalam menjalankan perniagaan, mendahului United Kingdom (ke-10), Jerman (ke-21) dan Switzerland (ke-29). Ini merupakan kedudukan terbaik Malaysia setakat ini dan melonjakkan kedudukan daya saing negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Prestasi cemerlang ini juga mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk perdagangan dan pelaburan di kalangan pelabur tempatan dan asing.

**Dengan rekod prestasi yang kukuh, tidak hairanlah bahawa Bank Dunia telah menyenaraikan Malaysia ditangga ke-6 terbaik di dunia untuk menjalankan perniagaan, mendahului United Kingdom (ke-10), Jerman (ke-21) dan Switzerland (ke-29).**

Namun demikian, telah tiba masanya Malaysia mengambil risiko yang lebih tinggi bagi memasuki fasa transformasi ekonomi yang seterusnya.

Misi MIDA adalah memastikan bahawa Malaysia mencapai matlamat transformasi dan aspirasi untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Agensi ini merupakan agensi utama kerajaan untuk mempromosikan pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan negara. Dengan 23 buah pejabat di pusat-pusat ekonomi utama di seluruh dunia dan lebih daripada 40 tahun pengalaman dalam diplomasi antarabangsa, MIDA berada dalam kedudukan yang tepat untuk memimpin agenda pelaburan Malaysia.

Penempatan di peringkat global ini membolehkan MIDA untuk menyelaraskan usaha kesemua agensi promosi pelaburan dan koridor ekonomi di Malaysia

serta memastikan objektif-objektif agensi memenuhi matlamat negara yang sama. Strategi negara bagi menangani ketidakseimbangan ekonomi di antara pelbagai wilayah di dalam negara telah membawa hasil yang cemerlang. Wilayah ekonomi Utara dan Selatan berjaya memanfaatkan kekuatan masing-masing dalam keberkaitan perdagangan dan infrastruktur untuk menjadi destinasi pelaburan yang menarik, manakala wilayah ekonomi Timur dan Malaysia Timur pula dalam kelebihan geologi dan alam sekitarnya. Seiring dengan agensi pembangunan ekonomi utama di peringkat tertinggi Kerajaan yang lain, MIDA memainkan peranan penting dalam membangunkan strategi ini dan memastikan ia berhasil.

## MESRA, FLEKSIBEL DAN SAKSAMA

Sektor perkilangan negara sedang melalui tempoh transformasi dan penstrukturkan semula selaras dengan pengurangan pelaburan dalam sektor nilai ditambah rendah dan peningkatan aktiviti-aktiviti dalam industri nilai ditambah tinggi. Bagi memudahkan transformasi ini, MIDA telah menubuhkan Bahagian Teknologi dan Bisnes Frontier dengan tujuan membangun dan mengekalkan pelan tindakan strategik bagi membolehkan peralihan negara ke industri-industri teknologi baru muncul. Peranan utama bahagian ini adalah untuk mengenal pasti trend perindustrian utama yang sesuai dengan Malaysia dalam bidang-bidang teknologi dan perniagaan yang baharu dan baru muncul Bahagian ini juga bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain untuk menyelaraskan usaha institusi penyelidikan tempatan dan asing serta mencadangkan dasar untuk menyokong pertumbuhan kluster teknologi dan ekosistem baharu.

Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) telah mengambil maklum berhubung strategi Malaysia untuk memanfaatkan kelebihan lokasi sedia ada bagi menggalakkan pelaburan dalam rantaian nilai pengeluaran berteknologi tinggi. Beribu-ribu syarikat multinasional (MNC) terkemuka telah memilih Malaysia sebagai pusat operasi serantau dan global serta mengelolakan program-program latihan berstruktur bagi memindahkan kepakaran utama kepada pekerja Malaysia. Dalam jangka panjang, keadaan ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan

berpendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia dalam sektor-sektor seperti perniagaan, perakaunan, kewangan, IT, kejuruteraan, teknikal dan sektor-sektor perkhidmatan baharu lain seperti reka bentuk dan sains analisis. Pusat-pusat operasi global dan serantau juga akan meningkatkan penggunaan infrastruktur tempatan, perkhidmatan perbankan, teknologi maklumat, telekomunikasi, utiliti dan perkhidmatan logistik.

*OECD Investment Policy Review (IPR) Malaysia* yang pertama juga mengakui rekod prestasi negara yang cemerlang dalam promosi pelaburan dan mengiktiraf pencapaianya dalam mengukuhkan daya saing global dalam perkilangan bermula tinggi dan memperluaskan sempadan teknologinya. Menurut IPR tersebut, persepsi sektor swasta terhadap MIDA sebagai agensi utama dalam mempromosikan pelaburan adalah positif dan agensi ini mempunyai reputasi yang baik dari segi ketelusan dan kecekapan.

IPR OECD itu juga menekankan bahawa struktur organisasi baharu MIDA mencerminkan satu strategi yang jelas dalam pembahagian tanggungjawab promosi dan fasilitasi kepada unit-unit khusus yang mempunyai sumber dan kepakaran berbeza. Agensi ini berfungsi sebagai penyedia penyelesaian keseluruhan kepada para pelabur dalam ekosistem perniagaan serta bekerja rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu syarikat-syarikat dalam pelaksanaan dan operasi projek-projek.

Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mempertingkatkan peranan MIDA dalam berinteraksi dengan sektor swasta dan telah diberi kuasa untuk berunding secara langsung dengan pelabur untuk projek yang disasarkan. Ini membolehkan MIDA membuat keputusan secara *real time* untuk menarik projek yang disasarkan dengan berkesan. MIDA juga telah membangunkan modul analisa kos-faedah (CBA) yang seragam bagi menilai insentif cukai dan bantuan kewangan untuk semua projek perkilangan. Satu modul yang serupa juga sedang dibangunkan untuk menilai pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Sebagai Sekretariat Pelaburan Nasional, MIDA dengan konsisten memperjuangkan kepentingan perniagaan domestik dan asing dalam pelbagai jawatankuasa dan majlis ekonomi Kerajaan. Agensi ini memainkan peranan yang amat penting dalam

Jadual 1: Perdagangan Rentas Sempadan pada tahun 2013

| Penunjuk                                    | Malaysia | Singapura | Hong Kong |
|---|----------|-----------|-----------|
| Dokumen untuk mengeksport (nombor)          | 4        | 3         | 3         |
| Masa untuk mengeksport (hari)               | 11       | 6         | 6         |
| Kos untuk mengeksport (AS\$ setiap kontena) | 450      | 460       | 590       |
| Dokumen untuk mengimpor (nombor)            | 4        | 3         | 3         |
| Masa untuk mengimpor (hari)                 | 8        | 4         | 5         |
| Kos untuk mengimpor (AS\$ setiap kontena)   | 485      | 440       | 565       |

Sumber: Menjalankan Perniagaan, 2014, Bank Dunia

memastikan persekitaran pelaburan Malaysia kekal mesra, fleksibel dan saksama. Pelabur-pelabur sering menyatakan bahawa dasar-dasar perdagangan negara yang terbuka dan kekuuhan infrastruktur perdagangan negara merupakan sebab-sebab utama mereka melabur di sini. Pengangkutan, komunikasi dan perkhidmatan kewangan bertaraf dunia mempermudahkan perancangan serantau di kalangan pelabur dan memperluaskan jangkauan pasaran di seluruh Asia. *World Competitiveness Yearbook* 2013 oleh IMD meletakkan Malaysia di tempat ke-12 daripada 60 ekonomi dari segi infrastruktur.

## SATU USAHA PENJENAMAAN SEMULA NASIONAL

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mempromosikan aktiviti nilai ditambah selaras dengan saranan UNCTAD dan OECD, termasuk menggunakan pendekatan ekosistem untuk mempromosikan pelaburan swasta, menggalakkan aktiviti penyumbangan luar untuk meningkatkan kecekapan dan memperkenalkan inisiatif promosi pelaburan domestik seperti Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF). Inisiatif-inisiatif ini akan membantu untuk memacu usaha MIDA dalam promosi pelaburan.

## Perkongsian Mantap

Kemudahan sokongan serantau Schlumberger khusus dalam perkhidmatan penyelenggaraan maju untuk teknologi minyak dan gas

Pada bulan Oktober 2013, Schlumberger mengadakan upacara pecah tanah untuk *Asia Centre for Reliability and Efficiency* yang akan dikhususkan untuk penyelenggaraan maju dan memberi perkhidmatan teknologi penggerudian dan dawai talian untuk rantau Asia–Pasifik. En. Rajeev Sonthalia, presiden, Schlumberger Asia, menjadi tuan rumah pada upacara pecah tanah yang dihadiri oleh Datuk Phang Ah Tong, Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif II Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan tetamu-tetamu mewakili syarikat minyak, universiti, Kerajaan tempatan dan kebangsaan dan pembekal utama.

Terletak di Zon Bebas Pelabuhan Klang dan dijadualkan siap pada awal tahun 2015, pusat yang mempunyai tapak seluas 180,000 kaki persegi yang dibinakhas ini, dianggar dapat menempatkan kira-kira 100 orang yang menggabungkan bakat tempatan dengan



pengalaman dan kepakaran antarabangsa. Pusat ini juga akan memainkan peranan penting dalam pelancaran teknologi dan sistem baharu Schlumberger di rantau ini. Pusat ini turut akan membawa proses inovatif ke rantau ini dan menyediakan Schlumberger dengan kecekapan operasi dan kebolehpercayaan peralatan yang diperlukan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan syarikat itu.

Pada peringkat organisasi, MIDA telah meluaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya prestasi agensi tidak lagi diukur dari segi jumlah pelabur atau nilai mutlak pelaburan. Sebaliknya, kini KPI mengambil kira kesan keseluruhan pelaburan kepada ekonomi dan rakyat Malaysia. Agensi ini memberi tumpuan untuk menjana pelaburan berkualiti yang melibatkan barang dan perkhidmatan nilai ditambah tinggi dalam industri berteknologi tinggi, berpengetahuan dan berintensifkan kemahiran dengan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan mereka bentuk (R&D&D) bertahap tinggi dan berkait rapat dengan industri domestik. Pada kebiasaananya nilai mutlak pelaburan sedemikian adalah lebih rendah berbanding projek-projek yang berbilion ringgit dan berintensifkan buruh tetapi memberi kesan yang besar kepada

masarakat dan ekonomi domestik dalam jangka masa panjang.

MIDA lebih mementingkan nilai strategik pelaburan bagi jangka masa panjang berbanding nilai fizikal projek-projek tersebut. Usaha agensi ini selaras dengan usaha negara dalam penjenamaan semula Malaysia sebagai pusat aktiviti teknologi tinggi dan berintensif pengetahuan. MIDA mahukan projek-projek yang memberi inspirasi kepada bakat, kreativiti dan inovasi serta membantu mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai negara inovatif, kreatif dan produktif.

Tenaga kerja yang berdaya saing dan produktif akan menjadi satu faktor yang tidak boleh dielakkan dalam usaha penjenamaan semula ini. Oleh itu, MIDA telah mulakan beberapa program untuk menggalakkan



pembangunan modal insan negara. Pada tahun 2013, agensi telah menujuhkan Bahagian Pengurusan Talent Industri yang dikhushuskan untuk mengenal pasti keperluan modal insan pelabur dan memudahkan pencarian tenaga kerja. Bahagian ini terlibat dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor Kerajaan dan swasta termasuk institusi-institusi pendidikan dan latihan, agensi perekutan dan industri.

Bahagian Pengurusan Talent Industri yang baru ini memanfaatkan hubungan rapat MIDA dengan komuniti perniagaan Malaysia untuk mengukur jurang kuantitatif dan kualitatif antara industri dan pembekal pendidikan dan perkhidmatan latihan. Pada tahun

pertama operasinya, bahagian ini telah tertumpu untuk memulakan program kerjasama berstruktur dengan ahli akademik dan industri yang bertujuan untuk menganggarkan keperluan modal insan pelabur dan membangunkan program dan inisiatif yang akan membolehkan Malaysia memenuhi keperluan tersebut. Program ini melibatkan rundingan peringkat tertinggi dengan persatuan industri dan perkhidmatan, dewan perniagaan dan industri serta kementerian dan agensi - Kerajaan yang berkaitan.

Untuk menyelaraskan permintaan syarikat terhadap bakat, MIDA telah menujuhkan *Focal Point Network* yang membolehkan agensi ini untuk memanfaatkan program pembangunan bakat sedia ada di agensi-

Jadual 2: Perundingan Bahagian Pengurusan Talent Industri dengan Pihak-Pihak Berkepentingan

| Pembuat Dasar   | Pihak Permintaan   | Pihak Bekalan   |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>TalentCorp Malaysia Bhd.</li> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam</li> <li>Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia</li> <li>Kementerian Sumber Manusia</li> <li>Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)</li> <li>Jabatan Pembangunan Kemahiran</li> <li>Kementerian Sains, Teknologi &amp; Inovasi</li> <li>Jabatan Tenaga Manusia</li> <li>Agensi Inovasi Malaysia</li> <li>Kementerian Pelajaran</li> <li>Kementerian Perdagangan Antarabangsa &amp; Industri</li> <li>Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)</li> <li>Jabatan Tenaga Kerja, Sabah</li> </ul> | <b>Persatuan/Dewan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA)</li> <li>Majlis Perkhidmatan Minyak &amp; Gas Malaysia (MOGSC)</li> <li>Persatuan Pengeluar Jentera dan Peralatan – (MEMA)</li> <li>Persekutuan Penyedia Perkhidmatan Malaysia – (MSPC)</li> <li>Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI)</li> </ul> | <b>Persatuan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Persekutuan Pusat Pembangunan Kemahiran Malaysia (FMSDC)</li> <li>Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FEMAC)</li> <li>Persatuan Kolej dan Universiti Swasta Malaysia (MAPCU)</li> <li>Persatuan Kebangsaan Institusi Pendidikan Swasta (NAPEI)</li> </ul>  |
|   |  | <b>Pembekal Pendidikan/Latihan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti Sains Malaysia (USM)</li> <li>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</li> <li>Universiti Putra Malaysia (UPM)</li> <li>Universiti Malaysia Sabah (UMS)</li> <li>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)</li> <li>Kolej Universiti Tati</li> <li>Putus Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)</li> <li>MARA</li> <li>Institut FMM</li> </ul> |

agensi lain dan mengelakkan pertindihan di antara pihak-pihak tersebut. MIDA juga terlibat dalam pelbagai jawatankuasa industri dan nasional yang bertujuan untuk menangani isu-isu pembangunan modal insan negara. Di samping itu, agensi ini mengambil bahagian dalam beberapa program utama berkaitan pembangunan modal insan pada tahun 2013 (lihat Apendediks 4) dan telah membantu penganjuran Program Pembangunan Produk Kreatif untuk Pereka Malaysia (CPD).

CPD adalah khusus untuk membangunkan kemahiran dan keupayaan pereka-pereka Malaysia dalam menyumbang kepada ekosistem produk hiburan digital dan gaya hidup. Program ini adalah satu perkongsian awam/swasta yang strategik di antara PhisonTech Electronics Malaysia bersama MIDA, Pensonic, Fusionwave dan EMTEC. Ia bertujuan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana

(SME) Malaysia membangunkan inovasi bertaraf dunia untuk pasaran hiburan digital dan gaya hidup yang menggabungkan warisan artistik Malaysia dengan teknologi elektronik dan digital yang terkini.

Dianggarkan seramai 7,000 orang pereka akan menamatkan pengajian daripada lebih 20 buah sekolah dan kolej reka bentuk di Malaysia setiap tahun. Sekarang ini, lebih daripada 35,000 entiti terlibat dalam aktiviti industri kreatif yang menjana lebih daripada RM10 bilion dalam hasil tahunan. MIDA telah memperkenalkan insentif pengecualian cukai sehingga 70 peratus selama lima tahun kepada syarikat-syarikat yang layak.

Dengan kehadiran di peringkat global, peningkatan kerjasama agensi dan rangkaian industri yang lebih baik, MIDA berterusan menyahut cabaran untuk mengungguli transformasi ekonomi negara. ■

# Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MIDA terdiri daripada empat belas (14) anggota diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Setiausaha-Setiausaha Tetap

Kementerian Pembangunan Perindustrian dari Sabah dan dari Sarawak. Lembaga Pengarah juga mempunyai lapan anggota daripada sektor swasta mewakili sektor-sektor komersial, perkilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.

Tiga mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2013.



**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
Pengerusi, MIDA



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



**DATUK DR REBECCA  
FATIMA STA MARIA**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan  
Industri (MITI)



**DATO' SITI HALIMAH  
ISMAIL**  
Setiausaha  
Bahagian Analisa Cukai  
Perbendaharaan



**DATUK DR K. GOVINDAN**  
Ketua Pegawai  
Eksekutif (Kumpulan)  
RAM Holdings Berhad



**DATUK NORIYAH AHMAD**  
Pengerusi Bersama  
Malaysia-Thailand Joint  
Authority (MTJA)



**DATUK HAJI HASHIM  
PAJAN**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian  
Pembangunan  
Perindustrian, Sabah



**DATU LIAW SOON ENG**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian  
Pembangunan  
Perindustrian, Sarawak



**DATUK NG PENG HONG  
@ NG PENG HAY**  
Pengerusi  
Wellcall Holdings Berhad



**TAN SRI AZMAN SHAH  
DATU' SERI HARUN**  
Presiden  
Persekutuan Majikan-  
Majikan Malaysia



**TAN SRI YONG POH KON**  
Presiden  
Persekutuan Pengilang-  
Pengilang Malaysia (FMM)



**TENGKU DATO' ZAFRUL  
TENGKU ABDUL AZIZ**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Maybank Investment  
Bank Berhad



**DATO' GOOI SOON CHAI**  
Presiden Agilent  
Technologies Malaysia  
dan Singapore Agilent  
Technologies Microwave  
Products (M) Sdn Bhd



**STUART L. DEAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
GE ASEAN  
GE Global Growth  
& Operations

# Pengurusan



**DATUK NOHARUDDIN  
NORDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I



**DATUK PHANG AH TONG**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II



**DR. AMIR RASLAN  
ABU BAKAR**  
Pengarah Eksekutif Kanan,  
Perancangan Strategik &  
Ekosistem Pelaburan  
(dari 16 Julai 2013)



**MOHD RASLI MUDA**  
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan  
Bisnes & Profesional



**TAN CHEE CHAI**  
Pengarah, Bahagian Logam & Logam Aloi



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**  
Director, Bahagian Pematuhan dan  
Pemantauan Pelesiran dan Galakan



**HAFIZAH SHAHAR**  
Pengarah, Bahagian Infrastruktur & Khidmat Sokongan



**KANG LAY KIM**  
Pengarah Eksekutif,  
Perancangan Strategik



**WAN HASHIM WAN JUSOH**  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkilangan  
(Bukan Sumber)



**LAILAH CHE MOHD DARUS**  
Pengarah Eksekutif, Pengurusan  
Sumber Manusia



**HINDON A. AZIZ**  
Pengarah Eksekutif, Khidmat  
Pengurusan (hingga 14  
September 2013)



**CHOOWAI MENG**  
Pengarah, Bahagian Analisa  
Pelaburan & Pengurusan  
Pengkalan Data



**SITI AISHAH GHAZALI**  
Pengarah, Bahagian Sains  
Hayat & Teknologi Perubatan  
(hingga 21 September 2013)



**FAUZIAH ADAM**  
Pengarah, Bahagian Pembangunan  
Sistem Teknologi Maklumat



**ZAINI ISHAK**  
Pengarah, Bahagian  
Pengurusan Kewangan  
(dari 15 April 2013)



**N. SANGARAN**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkilangan (Sumber)



**N. RAJENDRAN**  
Pengarah Eksekutif,  
Pengalakkan Pelaburan



**DATO' MATHIALAKAN**  
Pengarah Eksekutif, Pembangunan  
Perkhidmatan (RESC, BPS & ICT)



**JASWANT SINGH**  
Pengarah Eksekutif,  
Ekosistem Pelaburan



**S. SIVASURIYAMOORTHY**  
Pengarah,  
Bahagian Perancangan  
Strategik & Advokasi Dasar  
(hingga 31 Julai 2013)



**MOHD ZUKEPLI EMBONG**  
Pengarah, Bahagian  
Pelaburan Tempatan



**LIM BEE VIAN**  
Pengarah, Bahagian  
Pengurusan Talent Industri



**ZABIDI MAHBAR**  
Pengarah, Bahagian Koordinasi  
IPA, Sekretariat ICM dan  
Pipeline Tracking



**MOHAMED ZUHARI**  
Pengarah Eksekutif, Khidmat  
Pengurusan (dari 01 Oktober 2013)  
Pengarah Eksekutif,  
Pembangunan Perkhidmatan  
(O&G, KPH, CTEM & R&D)  
(hingga 30 September 2013)



**AZIAN MOHD YUSOF**  
Pengarah, Teknologi Makanan &  
Sumber Lestari



**INON ABDUL HAMID**  
Pengarah, Bahagian  
Elektrikal dan Elektronik



**TENG YIT CHAN**  
Pengarah, Penjagaan Kesihatan,  
Pendidikan & Hospitaliti



**FARIDAH ABDULLAH**  
Pengarah, Bahagian Jentera &  
Peralatan dan Kejuruteraan Termaju



**YEE NAI TUCK**  
Pengarah, Bahagian Teknologi &  
Bisnes Frontier



**JASBIR KAUR**  
Pengarah, Bahagian Tarif




**ARHAM ABDUL RAHMAN**  
Pengarah, Bahagian Koordinasi  
Pelaburan Asing  
(dari 17 Januari 2013)

# Pengurusan



# Struktur Organisasi



# Lembaga dan Fungsinya

Malaysian Investment Development Authority (MIDA) adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pada tahun 2011, Akta tersebut dipinda dan diberi nama baharu Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 dengan pelancaran Model Baru Ekonomi (New Economic Model, NEM). Menurut Akta MIDA, fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
- » pemberian lesen pengilang;
- » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
- » jawatan pegawai dagang;
- » mengena atau memotong dan mengecualি daripada duti kastam; dan
- » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



- perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesongan bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.



# Malaysia ada Bakat

**E**konomi global telah menunjukkan pertumbuhan tidak sekata di seluruh dunia dalam tahun 2013. Di kebanyakan kawasan di dunia, negara-negara membangun terus menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) berbanding ekonomi-ekonomi maju, walaupun trend ini pastinya telah digalakkan oleh pemuliharan secara beransur-ansur ekonomi-ekonomi termaju dunia. Selari dengan peningkatan ini, KDNK Malaysia bertambah pada kadar sederhana 4.7 peratus dalam tahun 2013 yang disokong oleh pertumbuhan kukuh berterusan dalam permintaan domestik.

Pertumbuhan domestik yang sihat telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan dalam aktiviti ekonomi negara sepanjang tahun. Malaysia sekali lagi mencipta rekod baru bagi pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama dalam tahun 2013 apabila jumlah pelaburan diluluskan meningkat kepada RM219.4 bilion. Ini adalah satu pencapaian yang memberangsangkan di sebalik persekitaran luaran yang mencabar. Lebih daripada 72.9 peratus jumlah pelaburan diluluskan adalah daripada sumber-sumber domestik. Ini mencerminkan minat berterusan syarikat-syarikat tempatan dalam menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan agenda keseluruhan pelaburan Kerajaan serta kesungguhan mereka untuk memikul peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Keseluruhan projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam jawatan pengurusan, penyeliaan dan teknikal yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat Malaysia. Trend ini menunjukkan kesediaan tenaga kerja negara untuk menyesuaikan diri secara positif kepada ekonomi yang sering berubah.

Perlu diambil perhatian bahawa kejayaan negara dalam memastikan peningkatan tahap pelaburan dalam ekonomi tidak berlaku secara kebetulan tetapi adalah hasil daripada usaha berterusan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia tempat yang lebih mesra dan terbuka untuk perniagaan. Bank Dunia kini menempatkan Malaysia sebagai negara ke-6 paling mesra-perniagaan di dunia untuk menjalankan perniagaan, mendahului United Kingdom (ke-10), Jerman (ke-21) dan Switzerland (ke-29). Inilah kali pertama Malaysia telah disenaraikan dalam kedudukan sepuluh teratas sejak Bank Dunia dan Perbadanan Kewangan Antarabangsa (*International Finance Corporation*) mula mengumpul laporan ini pada tahun 2005. Malaysia juga telah ditempatkan sebagai negara berdaya-saing yang ke-24 di dunia oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*) dalam *World Competitiveness Report 2012-2013*. Laporan ini juga mengiktiraf kemajuan negara daripada sebuah ekonomi yang didorong kecekapan kepada ekonomi yang didorong inovasi.

**Bank Dunia kini menempatkan Malaysia sebagai negara ke-6 paling mesra-perniagaan di dunia untuk menjalankan perniagaan, mendahului United Kingdom (ke-10), Jerman (ke-21) dan Switzerland (ke-29).**

MIDA telah mengatur langkah untuk memastikan bahawa inisiatif dasar dan langkah strategik negara terus dipertingkatkan bagi mencapai sasaran pelaburan yang digariskan oleh kerajaan dalam agenda pelaburan nasional. MIDA kekal komited untuk memenuhi keperluan pelabur-pelabur dengan dasar-dasar pro-perniagaan, berhemah dan pragmatik yang berterusan untuk menyediakan persekitaran yang menarik bagi pelaburan serta pertumbuhan perniagaan yang mampan. Saluran komunikasi kami sentiasa terbuka kepada pandangan dan pertukaran idea dalam merumuskan dasar dan strategi yang berkesan untuk kepentingan komuniti perniagaan dan Malaysia secara keseluruhannya. MIDA percaya bahawa pengurusan ekonomi yang berwibawa akan mengukuhkan lagi keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Malaysia amat bertuah kerana mempunyai limpahan bakat dan sumber yang dapat memenuhi keperluan pelbagai industri. Tenaga kerja negara terdiri daripada golongan muda, berpendidikan dan proaktif dan telah terbukti sebagai salah satu tenaga kerja yang terbaik di rantau ini. Dalam mengiktiraf kepentingan pembangunan modal insan, MIDA telah memulakan beberapa program untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing Malaysia. Pada awal tahun 2013, agensi ini telah menubuhkan satu bahagian baharu khusus bagi memenuhi keperluan modal insan pelabur dengan memudahkan pencarian mereka untuk mendapatkan bakat yang terbaik. Untuk mencapai objektifnya, MIDA melibatkan diri dan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk membuat dasar, institusi pendidikan dan latihan, agensi pekerjaan dan industri.

Kejayaan negara dalam menarik pelaburan bukan atas usaha MIDA semata-mata. Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah memainkan peranan penting dalam menyokong keupayaan Malaysia mengekalkan daya saingnya dan tahap pelaburan swasta yang tinggi. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekerja kami di agensi-agensi Kerajaan lain yang telah bekerjasama rapat dengan MIDA selama ini. Secara bersama, kita akan terus mengukuhkan ekosistem negara dan menekankan saranan nilai persekitaran perniagaan, teknologi, infrastruktur dan bakat Malaysia kepada pelabur-pelabur domestik dan asing.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan MIDA atas ketekunan dan sumbangan mereka sepanjang tahun yang telah membolehkan kami mencapai sasaran yang ditetapkan bagi agensi ini. Walau apa pun dengan pencapaian kami dalam tahun 2013, kami perlu mempercepatkan usaha kami untuk merealisasikan potensi transformasi ekonomi Malaysia. Ia bukanlah lagi misi pencarian untuk menambahkan bilangan pelaburan, tetapi sebaliknya untuk meningkatkan kualiti pelaburan tersebut. Bersama-sama, saya yakin bahawa kami dapat memastikan bahawa masa depan ekonomi Malaysia kekal cerah dan berpotensi seperti biasa.

**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**  
Pengarusi, MIDA



## Misi Kami Memburu Kualiti

Berbeza dengan kebanyakan pendapat, masa depan ekonomi negara sebenarnya bukan hanya bergantung kepada keupayaannya untuk menjadi tuan rumah bagi projek mega berbilion ringgit semata-mata. Pada tahun 2013, MIDA telah melaksanakan beberapa langkah untuk memastikan bahawa agensi ini akan memberi tumpuan bukan sahaja kepada meningkatkan nilai pelaburan, tetapi juga terhadap kualiti pelaburan tersebut.

**S**aya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Ketika kadar pemulihan ekonomi di kalangan negara-negara maju di dunia terus berkembang pesat, negara-negara membangun di dunia terbukti menjadi destinasi paling menarik untuk pelaburan asing. Walaupun aliran FDI ke ekonomi maju telah meningkat kepada AS\$ 576 bilion pada tahun 2013, aliran FDI ke ekonomi membangun dan peralihan juga meningkat kepada AS\$ 885 bilion dalam tempoh yang sama, menunjukkan bahawa pelabur-pelabur sedang mencari peluang yang lebih besar di luar negara.

Pelaburan ke Malaysia terus berkembang sejajar dengan perkembangan global ini. Aliran FDI ke negara ini meningkat 34 peratus kepada RM38.2 bilion pada tahun 2013, menjadikannya sebagai penerima pelaburan langsung asing (FDI) ketujuh tertinggi di Asia mengatasi Republik Korea, Vietnam dan Taiwan. Pelaburan asing telah menyumbang 27.1 peratus daripada jumlah pelaburan negara diluluskan bagi tahun ini dan meningkat 31 peratus kepada RM219.4 bilion. Pelaburan-pelaburan ini dijangka akan mewujudkan lebih 190,000 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Sektor perkhidmatan terus menjadi pamacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, menarik 4,935 projek yang diluluskan bernilai RM147.7 bilion pada tahun 2013. Sebahagian besar (87.1 peratus atau RM128.7 bilion) daripada projek-projek ini adalah milik tempatan, manakala selebihnya (12.9 peratus atau RM19 bilion) adalah milik asing. Projek-projek ini dijangka akan menjana 97,021 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia yang kebanyakannya adalah berpendapatan tinggi.

Walaupun pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan negara ini adalah memberangsangkan sepanjang dua dekad yang lalu, sektor perkilangan di Malaysia tetap memainkan peranan yang penting dalam pengindustrian negara. Pelaburan langsung dalam sektor ini meningkat 26.8 peratus kepada RM52.1 bilion dalam 787 projek yang diluluskan pada tahun 2013, menyumbang 23.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun ini. Pelabur asing terus menjadi penyumbang utama dalam sektor ini, iaitu sebanyak RM30.5 bilion (58.5 peratus) kepada jumlah pelaburan pada tahun



James Lim, Ketua Pegawai Eksekutif Balda Solutions Malaysia (kanan), memegang tag wayarles FOBO dengan Datuk Noharuddin Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA (kiri). Tag wayarles FOBO menggunakan teknologi Bluetooth 4.0 dan aplikasi telefon pintar untuk memantau kanak-kanak, warga tua, haiwan peliharaan, kenderaan dan barang-barang berharga. Produk itu – yang pertama seumpamanya di dunia – adalah hasil usaha sebuah pasukan yang kesemuanya ahlinya terdiri daripada rakyat Malaysia dan merupakan bukti keupayaan Malaysia dalam membekalkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.

ini ke dalam sektor perkilangan negara. Pelaburan ke dalam sektor utama pula berjumlah RM19.7 bilion pada tahun 2013 hampir kesemuanya (95.4 peratus) adalah perlombongan.

### STANDARD BARU MENGECAPI KEJAYAAN

Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan dasar ekonomi utama di sebalik pertumbuhan Malaysia pada tahun-tahun kebelakangan ini. MIDA telah ditugaskan untuk menerajui agenda pelaburan nasional untuk membantu menyokong matlamat ETP, dan perkongsian strategik MIDA dengan wilayah koridor dan agensi-agensi pembangunan perindustrian negara akan membantu ETP mencapai objektifnya. Melalui kerjasama yang erat dengan agensi-agensi ini, MIDA telah berjaya mengukuhkan ekosistem negara dan menyerlahkan nilai persekitaran perniagaan, teknologi, infrastruktur dan bakat kepada pelabur –

pelabur tempatan dan asing. Tetapi kerja kita masih belum selesai.

Potensi transformasi ekonomi Malaysia yang menarik ini mampu direalisasikan jika negara berjaya memanfaatkan kekuatannya. Malaysia sudah pun terkenal di seluruh dunia sebagai destinasi penyumberan luar bagi syarikat-syarikat transnasional dalam industri elektronik, automotif, pengilangan jentera dan minyak dan gas. Negara kini perlu memanfaatkan reputasinya dalam industri-industri ini untuk menjadi pemain utama industri aeroangkasa, perubatan, pertahanan dan fotovolta. Subsektor-subsektor ini adalah amat penting untuk kemajuan jangka panjang negara.

Berbeza dengan kebanyakan pendapat, masa depan ekonomi negara sebenarnya bukan hanya bergantung kepada keupayaan untuk menjadi tuan rumah bagi projek-projek mega berbilion ringgit semata-mata. Sebaliknya, kejayaan transformasi ekonomi negara ini juga bergantung kepada keupayaan kita untuk beralih ke dalam industri-industri pertumbuhan tinggi, bernilai tinggi yang berlandaskan inovasi, pengetahuan dan kreativiti. Misi memburu pelaburan berkualiti haruslah memanfaatkan perkara-perkara terbaik yang boleh ditawarkan oleh Malaysia demi menuju cita-cita negara untuk menjadi destinasi pilihan bagi industri berdasarkan inovasi dan pengetahuan.

Untuk tujuan ini, MIDA telah memperluaskan indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pada tahun 2013 sekaligus mencerminkan matlamat sebenar pelaburan negara. Kami mensasarkan pelaburan berkualiti yang berlandaskan aktiviti nilai ditambah tinggi yang mempunyai rantaian yang kukuh dengan industri-industri tempatan. Untuk itu, kami mesti menumpukan usaha untuk menarik projek-projek yang memerlukan bakat, kreativiti dan inovasi. KPI MIDA kini mencerminkan matlamat tersebut di mana sesuatu pelaburan itu akan dinilai dari segi nilai strategiknya bukan hanya dari segi nilai kewangannya. Dengan ini, MIDA dapat memainkan peranan untuk menjenamakan semula Malaysia sebagai pusat aktiviti pengetahuan berteknologi tinggi dan berintensifkan kemahiran.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MIDA telah diberi mandat untuk memastikan tenaga kerja di MIDA memiliki pengetahuan, kemahiran dan latihan untuk

menyokong KPI pelaburan baharu agensi. Program pembelajaran dan pembangunan agensi ini kini direka untuk membina kakitangan baharu dan pegawai yang baharu dinaikkan pangkat di samping membentuk penjawat sedia ada bagi menyediakan pemimpin-pemimpin masa depan untuk agensi ini.

Projek-projek berkualiti tinggi juga memerlukan tenaga kerja yang berkualiti tinggi lantas menjadi sebab kepada MIDA untuk menubuhkan satu bahagian baharu pada tahun 2013, khusus untuk menghubungkan para pelabur dengan tenaga kerja di negara ini. Bahagian Pengurusan Talent Industri yang baharu diwujudkan akan membantu dalam mengenalpasti keperluan modal insan oleh para pelabur dan memudahkan mereka dalam pencarian bakat dengan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, institusi pendidikan dan latihan, agensi perekrutan dan rakan industri.

MIDA juga mempunyai peranan penting yang perlu dilaksanakan dalam pembangunan ekonomi di rantau ini secara keseluruhan. Agensi ini adalah sebuah organisasi peneraju dalam beberapa inisiatif kerjasama ekonomi ASEAN seperti Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA), Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA), Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS), perjanjian ASEAN dengan pelbagai Rakan Dialog, dan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala. Inisiatif-inisiatif ekonomi ini bermatlamat untuk menjadikan ASEAN sebuah wilayah pelaburan bersepada sepenuhnya lantas menyumbang ke arah meningkatkan peluang untuk perdagangan dan pelaburan bagi perniagaan-perniagaan yang beroperasi di Malaysia.

Sebelum saya mengakhiri pesanan saya ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakan-rakan saya di MIDA atas sokongan mereka selama ini, dan saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Dato' Azman Mahmud, pengganti saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MIDA. Dengan kepimpinan beliau, saya yakin bahawa agensi ini akan terus mara untuk mencapai kejayaan yang lebih besar lagi, dan agenda pelaburan Malaysia akan diuruskan dengan baik.

**Datuk Noharuddin Nordin**  
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA (2011-2013)





## Makin Kukuh, Makin Mantap

Falsafah baharu MIDA untuk menarik pelaburan mula membawa hasil pada tahun 2013 apabila ekonomi global telah beransur baik dan ekonomi negara-negara maju mulai pulih daripada kesan-kesan kelumpuhan akibat krisis kewangan 2009-2010. Aliran pelaburan langsung asing (FDI) global meningkat sebanyak 9 peratus kepada jumlah anggaran AS\$1.45 trillion seluruh dunia yang setanding dengan purata sebelum krisis.

**P**eningkatan keyakinan pelaburan ini telah membantu Malaysia untuk menarik pelaburan langsung yang diluluskan sebanyak RM219.4 bilion pada tahun 2013. Ianya merupakan satu rekod peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 30.7 peratus berbanding RM167.9 bilion yang direkodkan pada tahun 2012.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 merangkumi 5,808 projek yang terdiri daripada 14 projek mega yang setiap satunya bernilai lebih daripada RM1 bilion dan 82 projek besar yang masing-masing bernilai lebih daripada RM100 juta. Prestasi pelaburan bertambah baik dalam semua sektor ekonomi di mana sektor perkhidmatan merupakan bahagian terbesar pelaburan yang diluluskan (RM147.7 bilion), diikuti sektor perkilangan (RM52.1 bilion) dan sektor utama (RM19.6 bilion). Sebahagian besar pelaburan ini adalah daripada sumber-sumber domestik yang selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai nisbah pelaburan langsung domestik ke pelaburan langsung asing sebanyak 73:27 menjelang tahun 2020. Pelaburan yang diluluskan bagi tahun ini dijangka akan menjana kira-kira 192,000 pekerjaan baharu, di mana kebanyakannya adalah dalam kategori pengurusan, penyeliaan dan teknikal yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat Malaysia.

Kenaikan mendadak dalam FDI Malaysia sepanjang lima tahun yang lalu telah membantu merapatkan jurang dalam imbalan pembayaran pelaburan langsung negara. Pelaburan Langsung Di Luar Negara (*Direct Investments Abroad*, DIA) Malaysia telah melebihi aliran masuk FDI dengan jurang yang besar di antara tahun 2007 dan 2012, tetapi perbezaan ini telah dikurangkan pada tahun 2013 apabila FDI Malaysia melonjak 34 peratus kepada RM38.2 bilion (2012: RM28.5 bilion) manakala DIA negara berjumlah RM40.6 bilion<sup>1</sup>. Setakat tahun 2013, negara telah mengurangkan aliran keluar pelaburan langsung bersih kepada RM4.1 bilion daripada RM21.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Semua perkembangan ini adalah sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dengan Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income*, GNI) sebanyak RM1.7 trillion menjelang tahun 2020. Untuk mencapai

<sup>1</sup> Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013

matlamat ini, negara perlu menarik pelaburan sebanyak RM1.4 trillion dalam tempoh tersebut yang mana 92 peratus (RM1.3 trillion) adalah sumbangan sektor swasta. Pelaburan-pelaburan tempatan telah menyahut cabaran ini dengan meningkatkan pelaburan ke dalam projek-projek bernilai tinggi yang strategik yang akan memacu peralihan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Lebih daripada 36.8 peratus (RM117.5 juta) daripada permohonan geran yang diluluskan di bawah program Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) berjumlah RM1 bilion pada tahun 2013 telah ditujukan kepada aktiviti-aktiviti R&D, manakala 11.3 peratus (RM36.1 juta) adalah untuk latihan. Pelaburan swasta Malaysia yang direalisasikan (yang diukur mengikut Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF) pada harga semasa) telah mencatat rekod sebanyak RM160.5 bilion pada tahun 2013, iaitu 8.4 peratus lebih daripada sasaran Rancangan Malaysia Ke-10 sebanyak RM148 bilion dan 14.5 peratus lebih daripada RM140.2 bilion yang dicatatkan pada tahun 2012.

**Lebih daripada 36.8 peratus (RM117.5 juta) daripada permohonan geran yang diluluskan di bawah program Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) berjumlah RM1 bilion pada tahun 2013 telah ditujukan kepada aktiviti-aktiviti R&D, manakala 11.3 peratus (RM36.1 juta) adalah untuk latihan.**

Malaysia telah berjaya meletakkan negara sebagai destinasi untuk pelaburan yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Negara telah menarik pelaburan sebanyak RM89.9 bilion, iaitu satu jumlah yang sangat memberangsangkan, dalam projek-projek berkualiti yang disasarkan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pada tahun 2013. Jumlah ini merupakan 41 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun tersebut. Subsektor R&D khususnya telah menyaksikan pertumbuhan yang sangat besar, dengan pelaburan hanya sebanyak RM7.6 juta pada tahun 2011 meningkat kepada RM398.1 juta pada tahun 2013. Pelaburan-pelaburan ini akan menambahkan tenaga kerja teknikal dan penyelidikan, menyokong pelantikan para penyelidik, meningkatkan pendaftaran paten dan reka bentuk dan seterusnya.

akan menyumbang kepada perbelanjaan R&D yang lebih tinggi di dalam negara.

## PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan terus menjadi penggerak utama bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia dan merupakan sektor yang menggaji tenaga kerja paling ramai iaitu 60 peratus daripada tenaga kerja negara<sup>2</sup>. Lebih 65 peratus daripada KDNK global datangnya daripada perkhidmatan, dan kira-kira 50 peratus FDI ke dalam negara-negara membangun adalah dalam sektor perkhidmatan<sup>3</sup>.

Untuk mendapatkan aliran FDI yang lebih besar, Malaysia mula meliberalisasikan sektor perkhidmatannya pada tahun 2009. Kajian telah membuktikan bahawa meningkatkan akses industri kepada perkhidmatan perniagaan dapat menambah produktiviti dan daya saing sesebuah negara dalam pelbagai sektor utama lain dalam ekonominya – perkilangan, pertanian dan sektor perkhidmatan itu sendiri. Setelah inisiatif liberalisasi negara dimulakan, pada tahun 2010 MIDA telah ditugaskan untuk menarik pelaburan ke dalam sektor perkhidmatan negara di samping menjadi agensi promosi utama negara bagi pelaburan dalam sektor perkilangan.

Selama beberapa tahun yang lepas, MIDA telah mewujudkan proses, sistem dan pekerja yang diperlukan bagi menjalankan cabaran baharu ini. Pada tahun 2013, banyak inisiatif agensi ini telah mula membawa hasil. Ia membantu untuk menambah pelaburan ke dalam sektor perkhidmatan sebanyak 20.2 peratus kepada RM147.7 bilion (2012: RM122.9 bilion) pada tahun 2013, yang merupakan 67.3 peratus daripada jumlah pelaburan tahun tersebut. Pelaburan ini akan membayai 4,935 projek yang telah diluluskan yang dijangka akan mewujudkan 97,021 peluang pekerjaan, kebanyakannya dalam pekerjaan berpendapatan tinggi bagi rakyat Malaysia.

Kira-kira 87.1 peratus daripada pelaburan ke dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2013 datangnya daripada sumber domestik (RM128.7 bilion), manakala bakinya datang daripada pelabur asing



(RM19 bilion). Subsektor harta tanah terus menjadi tarikan utama, dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM83.3 bilion, diikuti subsektor tenaga dan utiliti (RM9.1 bilion), hab operasi global (RM7.9 bilion), pengangkutan (RM7.9 bilion) serta hotel dan pelancongan (RM7 bilion).

Walaupun prestasi pelaburan subsektor-subsektor ini boleh dibanggakan, Kerajaan tetap berminat untuk mengeksploitasi potensi ekonomi perkhidmatan berintensifkan pengetahuan, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan yang kurang dimajukan di mana Malaysia telah mempunyai sedikit pengalaman. Sebagai contoh, rekod prestasi Malaysia yang tinggi mutunya dalam E&E dan pembuatan bahan oleokimia menjadikan negara amat sesuai sebagai hab R&D untuk industri-industri ini. Terdapat peluang yang luas untuk pertumbuhan dalam perkhidmatan R&D dalam industri-industri ini, dan negara sedang bekerja keras untuk mencapai intensiti R&D (GERD) sekurang-kurangnya 2.0 peratus menjelang tahun 2020. Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan yang baik ke arah matlamat ini pada tahun 2013, dengan pelaburan ke dalam subsektor R&D meningkat kepada RM386.1 juta dari RM243.2 juta pada tahun 2012.

**Terdapat peluang yang luas untuk pertumbuhan dalam perkhidmatan R&D dalam industri-industri ini, dan negara sedang bekerja keras untuk mencapai intensiti R&D (GERD) sekurang-kurangnya 2.0 peratus menjelang tahun 2020.**

<sup>2</sup> Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013


<sup>3</sup> Unit Perancang Ekonomi

## PELABURAN DILULUSKAN, 2013

### Perkilangan

**RM52.1 bilion (24.1%)**

787 projek diluluskan  
Asing: RM30.5 bil.  
Domestik: RM21.6 bil.



### Perkhidmatan

**RM147.7 bilion (67.3%)**

4,935 projek diluluskan  
Asing: RM19 bil.  
Domestik: RM128.7 bil.

### Utama

**RM19.7 bilion (9.1%)**

86 projek diluluskan

Asing: RM10 bil.

Domestik: RM9.7 bil.

## KEYAKINAN PELABUR YANG MENINGKAT

membantu Malaysia menarik pelaburan langsung diluluskan yang tertinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak RM219.4 bilion, 30.7 peratus lebih tinggi berbanding RM167.9 bilion yang direkodkan pada tahun 2012.

Pelaburan-pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 adalah untuk membayai 5,808 projek yang terdiri daripada 14 projek mega bernilai lebih RM1 bilion setiap satu dan 82 projek besar bernilai lebih RM100 juta setiap satu. Prestasi pelaburan bertambah baik bagi semua sektor ekonomi, dengan sektor perkhidmatan meraih bahagian terbesar daripada pelaburan yang diluluskan (RM147.7 bilion), diikuti oleh sektor perkilangan (RM52.1 bilion) dan sektor utama (RM19.7 bilion). Sebahagian besar pelaburan-pelaburan ini adalah daripada sumber-sumber domestik (72.9 peratus).

## PERKHIDMATAN UNTUK ASIA

Kelebihan Malaysia dari segi kedudukan geografinya terus menjadi faktor utama dalam kejayaan negara menarik hab-hab serantau. Bagaimanapun, komitmen Kerajaan untuk terus meningkatkan infrastruktur dan modal insan negara juga telah mengukuhkan keputusan pelabur untuk bertapak di sini. Sesungguhnya, *AT Kearney's Global Services Location Index* (dahulunya dikenali sebagai the *Offshore Location Attractiveness Index*) telah menempatkan Malaysia dengan konsisten sebagai lokasi perniagaan yang ketiga paling menarik untuk Penyumberan Luar Proses Perniagaan (*Business Process Outsourcing*) selepas India dan Republik Rakyat China (PRC), sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaburan berterusan negara dalam infrastruktur bertaraf dunia, sistem insentifnya, fleksibiliti penggajian ekspatriat dan usaha untuk mendalamkan penguasaan bahasa Inggeris dan pengetahuan teknikal rakyat negara itu.




Pasaran penjagaan kesihatan Malaysia telah dinilai sebanyak RM7.34 bilion pada tahun 2012 dan dijangka akan meningkat kepada RM11.9 bilion menjelang tahun 2018.

MIDA telah mempunyai peranan penting dalam peningkatan status negara sebagai destinasi pilihan bagi ibu pejabat serantau. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 3,350 projek telah diluluskan untuk menubuhkan operasi serantau di Malaysia yang terdiri daripada 238 Ibu Pejabat Operasi (*Operational Headquarters, OHQ*), 237 Pusat Perolehan Antarabangsa (*International Procurement Centres, IPC*), 30 Pusat Pengedaran Serantau (*Regional Distribution Centres, RDC*), 938 Pejabat Serantau dan 1,903 Pejabat Perwakilan. Baru-baru ini Malaysia telah juga mula meninjau potensi Pusat Pengurusan Perbendaharaan (*Treasury Management Centres, TMC*) serantau atau global, dengan empat TMC diluluskan pada tahun 2013. Selain ibu pejabat serantau, sembilan lagi Hab Operasi Global telah diluluskan pada tahun 2013 dengan pelaburan sebanyak RM7.9 bilion. Ini termasuk projek-projek oleh Intel, BMW dan Exxon Mobil dan dijangka akan menyediakan 15,877 peluang pekerjaan tambahan bagi rakyat Malaysia.

Menurut World Investment Report 2013 oleh UNCTAD, nilai global perkhidmatan luar pesisir pada tahun 2010 adalah sebanyak AS\$ 300 bilion. Satu kajian berasingan oleh AT Kearney pada tahun 2011 menunjukkan bahawa perkhidmatan luar pesisir global telah menjadi satu elemen biasa dalam pengurusan rantai bekalan perkhidmatan korporat apabila teknologi menjadikan amalan ini lebih cekap dan berkesan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia amat menyedari tentang trend ekonomi global ini, dan Kerajaan telah menggunakan pakai beberapa dasar dan langkah yang bertujuan untuk memastikan pertumbuhan dan pembangunan berterusan industri-industri ini dalam negara.

Subsektor penjagaan kesihatan sedang berkembang selari dengan pasaran penjagaan kesihatan Asia Pasifik, yang sedang bertambah pada kadar pertumbuhan kompaun tahunan (CAGR) sebanyak 12.8 peratus. Pada tahun 2012, pasaran penjagaan kesihatan Malaysia telah dinilai sebanyak RM7.34 bilion dan dijangka akan meningkat kepada RM11.9 bilion menjelang tahun 2018. Industri-industri utama yang akan terus menyumbang kepada pertumbuhan adalah pelancongan perubatan dan penubuhan hospital swasta yang ditujukan kepada pasaran khusus.

## PELABURAN LANGSUNG BERSIH, 1999-2013



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PELABURAN LANGSUNG DI LUAR NEGARA


(DIA) telah melebihi aliran masuk FDI dengan margin yang besar sejak tahun 2007. Walau bagaimanapun, peningkatan mendadak pelaburan langsung asing di Malaysia sepanjang lima tahun kebelakangan ini telah merapatkan jurang antara aliran masuk dan aliran keluar pelaburan langsung. FDI Malaysia melonjak 34 peratus kepada RM38.2 bilion pada tahun 2013 (2012:RM28.5 bilion), manakala DIA dalam tempoh yang sama berjumlah RM42.9 bilion. Setakat 2013, negara telah mengurangkan aliran keluar pelaburan langsung bersih kepada RM4.1 bilion dari RM21.7 bilion pada tahun sebelumnya.

## Insentif Berharga bagi Perkhidmatan R&D

Pelaburan dalam perkhidmatan R&D telah meningkat kukuh dengan peralihan negara kearah ekonomi yang dipimpin inovasi.

Untuk menggalakkan pelaburan ke dalam perkhidmatan R&D, Kerajaan menawarkan pelbagai insentif seperti pengecualian cukai pendapatan, potongan khas terhadap perbelanjaan untuk penggunaan kemudahan dan perkhidmatan institusi penyelidikan diluluskan, potongan khas terhadap sumbangan wang tunai kepada institusi penyelidikan, potongan khas terhadap perbelanjaan hasil bagi projek penyelidikan diluluskan dan pengecualian duti import dan cukai jualan terhadap peralatan dan bahan mentah yang digunakan untuk aktiviti R&D. Pada tahun 2013 MIDA meluluskan 23 projek bagi insentif R&D dan Seni Reka Perindustrian dengan jumlah pelaburan sebanyak RM386.1 juta. Daripada 23 projek ini, 10 diluluskan sebagai syarikat berstatus R&D manakala tujuh syarikat lagi diluluskan sebagai syarikat berstatus *Contract R&D*. Para pelanggan syarikat-syarikat ini menikmati insentif potongan khas terhadap perbelanjaan penyelidikan mereka.

Untuk menggiatkan lagi R&D dalam industri E&E negara, Kerajaan telah menuahkan pusat Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains &



Teknologi (*Collaborative Research in Engineering, Science & Technology*, CREST). CREST menyediakan Geran R&D untuk menyokong aktiviti penyelidikan dalam pelbagai disiplin sains dan kejuruteraan yang berkaitan kepada sektor E&E, dengan semua projek penyelidikan berdana berbentuk projek usahasama antara universiti-universiti dan syarikat-syarikat. Geran ini juga membiayai pelajar lepasan ijazah untuk menyertai kerja-kerja penyelidikan. Akademi Rekabentuk Inovasi (*Innovation Design Academy*) yang diilhamkan oleh CREST bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penyumberan luar reka bentuk tempatan, terutamanya dalam *IC Design and Validation, Embedded Systems and Hardware and Software Testing and Validation*. Melalui program ini, perek-perek dan syarikat-syarikat tempatan akan dapat membantu MNC di peringkat domestik dan global.

Pelancongan kesihatan terbukti semakin popular di rantau ini kerana harga yang berpatutan dan kualiti rawatan perubatan yang tinggi. Sebagai salah satu daripada negara-negara membangun Asia yang paling dikenali, Malaysia mempunyai potensi yang amat besar dalam pelancongan perubatan, dan dikenali sebagai industri yang amat penting dalam subsektor penjagaan kesihatan. Industri ini telah mengalami kadar pertumbuhan terkumpul yang luar biasa sebanyak 63 peratus dalam tempoh tiga tahun

yang lalu – 770,000 pelancong penjagaan kesihatan melawat negara ini pada tahun 2013 berbanding hanya 392,000 pada tahun 2010. Dari segi jumlah hasil, industri ini telah meningkat dari RM379 juta pada tahun 2010 kepada RM690 juta pada tahun 2013, dengan kadar pertumbuhan terkumpul sebanyak 51 peratus bagi tempoh yang sama.

Malaysia mempunyai sistem penjagaan kesihatan dua peringkat yang cekap, di mana sistem penjagaan

kesihatan sejagat yang dikendalikan kerajaan wujud bersama dengan sistem penjagaan kesihatan swasta. Sebelum ini, fasiliti kendalian kerajaan mendominasi bidang-bidang kemahiran tinggi seperti oftalmologi, neurologi dan kardiologi. Namun kini, hospital swasta telah meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam bidang-bidang ini dengan ketara beberapa tahun kebelakangan ini. Subsektor penjagaan kesihatan swasta kini mampu menawarkan kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk onkologi, rawatan kesuburan, pembedahan bariatrik, ortopedik, implan gigi, oftalmologi, neurologi dan prosedur estetik. Setakat 31 Disember 2013, terdapat 192 hospital swasta berlesen, 6,801 klinik swasta, 54 pusat penjagaan ambulatori swasta dan 1,686 klinik pergigian swasta dalam negara ini<sup>4</sup>.

Satu lagi subsektor yang baru-baru ini telah diliberalisasi oleh Kerajaan ialah **subsektor pendidikan swasta**, yang kini membenarkan 100 peratus pemilikan ekuiti asing. Pada tahun 2013, sejumlah 617 projek telah diluluskan dalam subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM2.1 bilion, lebih dua kali ganda jumlah RM936.6 juta yang direkodkan pada tahun 2012. Setakat ini, terdapat 20 universiti awam dan 29 universiti swasta dalam negara serta hampir 450 kolej swasta dan hampir 350 politeknik dan institut latihan perindustrian. Pusat-pusat ini menawarkan pelbagai disiplin di setiap peringkat pendidikan termasuk kursus-kursus jangka pendek dan profesional, kelayakan sijil, diploma, ijazah dan lepasan ijazah.

Malaysia telah berjaya menarik beberapa universiti bertaraf dunia untuk membuka cawangan masing-masing di Malaysia termasuk Johns Hopkins University, Monash University, Southampton University for Engineering, Nottingham University, Herriot Watt University, Reading University dan Newcastle University for Medicine. Kebanyakan daripada universiti-universiti ini disenaraikan di antara 100 Universiti terkemuka di dunia seperti diukur oleh *Times Higher Education*.

Subsektor pendidikan Malaysia akan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) telah dikenal pasti sebagai satu pemboleh kritikal untuk kejayaan ETP, dengan hampir sejuta pekerjaan memerlukan sijil atau diploma vokasional menjelang

tahun 2020. MIDA sedang menumpukan usaha promosinya untuk menarik lebih banyak institusi-institusi TVET dan universiti-universiti bertaraf dunia ke Malaysia untuk memastikan saluran bakat negara kekal terjamin dan relevan kepada keperluan negara.

**MIDA sedang menumpukan usaha promosinya untuk menarik lebih banyak institusi-institusi TVET dan universiti-universiti bertaraf dunia ke Malaysia untuk memastikan saluran bakat negara kekal terjamin dan relevan kepada keperluan negara.**

Subsektor hospitaliti dan pelancongan adalah salah satu sektor ekonomi Malaysia yang berkembang pesat, menyumbang sebanyak RM65.44 bilion kepada KDNK pada tahun 2013. Bilangan pelancong yang melawat negara telah bertambah lebih daripada dua kali ganda dalam dekad yang lepas, kira-kira 10 juta pada tahun 2010 kepada 25.72 juta pada tahun 2013. Subsektor ini menarik sejumlah 122 projek dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM7 bilion pada tahun 2013, di mana sebahagian besarnya (88.3 peratus) datang daripada pelaburan domestik.

Industri pelancongan merupakan penyumbang keenam terbesar kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2013 dengan menyumbang sebanyak RM51.5 bilion kepada pendapatan negara kasar berbanding RM47.2 bilion pada tahun 2012. Purata perbelanjaan pelancong per kapita juga meningkat kepada RM2,544.90 seorang berbanding RM2,419.10 seorang pada tahun sebelumnya. Berdasarkan *UNWTO's World Tourism Barometer*, Malaysia adalah negara ke-10 paling dilawati di dunia, dengan kebanyakan pelawatnya dari negara-negara ASEAN (19.1 juta atau 74.3 peratus). Pada tahun 2012, Kuala Lumpur menduduki tempat keempat bagi bandaraya membeli-belah terbaik di dunia dalam tinjauan CNN Travel, mendahului hab membeli-belah yang terkenal seperti Paris, Hong Kong dan Dubai. Kuala Lumpur juga telah dinobatkan sebagai destinasi membeli-belah kedua terbaik di Asia Pasifik oleh *Globe Shopper Index*.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa insentif cukai untuk menggalakkan pelaburan dan untuk menyokong

## Persekolahan Swasta Mula Bertapak

Tindakan Kerajaan untuk meliberalisasikan subsektor pendidikan pada tahun 2009 telah menyebabkan pertambahan mendadak pelaburan swasta dalam subsektor itu.



Pada tahun 2009, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk meliberalisasikan subsektor pendidikan dengan membolehkan pemilikan 100 peratus ekuiti asing. Tindakan ini menghasilkan peningkatan pada tahap yang tetap pelaburan asing dalam subsektor itu, iaitu meningkat dari RM26.3 juta pada tahun 2012 kepada RM182.7 juta pada tahun 2013.

Malaysia mempunyai empat bidang keutamaan bagi matlamat pendidikan kebangsaan, dari penjagaan awal kanak-kanak hingga pendidikan tinggi. Pasaran penjagaan kanak-kanak awal (dari lahir hingga empat tahun) sebahagian besarnya belum diusahakan dengan kadar pendaftaran rendah sebanyak empat peratus. Walaupun penyertaan sektor swasta dalam pendidikan prasekolah (lima hingga enam tahun) adalah lebih signifikan, terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk pendidikan prasekolah yang lebih

baik kualitinya. Pendaftaran di sekolah antarabangsa telah meningkat sejak tahun 2006, apabila kerajaan meliberalisasikan kemasukan pelajar Malaysia. Rakyat Malaysia adalah 43 peratus daripada jumlah pelajar yang berdaftar di sekolah-sekolah antarabangsa. Selain itu, kira-kira 46 peratus daripada pelajar yang mengikuti pendidikan tinggi adalah pelajar institusi pendidikan tinggi swasta.

Antara aktiviti dan usaha promosi MIDA dalam membangunkan subsektor ini termasuk penglibatan dengan kebanyakan agensi kerajaan, persatuan dan pemain industri yang berkaitan serta menjalankan misi projek khusus untuk menarik projek khusus bernali tinggi. Menjelang 2020, subsektor ini dijangka menjana pendapatan negara kasar sebanyak RM61.6 bilion dan menarik pelaburan swasta sebanyak RM11.9 bilion setiap tahun.

pertumbuhan industri pelancongan. Aktiviti-aktiviti yang layak mendapat insentif termasuk penubuhan atau pembesaran hotel satu-hingga-lima bintang, penubuhan atau pembesaran projek pelancongan dan penubuhan kem rekreasi dan pusat konvensyen. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, insentif cukai untuk hotel empat-dan-lima bintang telah dilanjutkan sehingga tahun 2016. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 disasarkan untuk membawa masuk seramai 28.8 juta pelancong asing ke Malaysia dan RM76 bilion dalam pendapatan pelancongan.

Kerajaan telah membangunkan satu rangka tindakan sasaran untuk Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (*Ministry of Tourism and Culture*, MOTAC) melalui pelbagai inisiatif untuk merangsang pembangunan berterusan dalam industri pelancongan. Ini termasuk liberalisasi beberapa lagi industri pelancongan, meningkatkan ketersediaan insentif, membangunkan lebih banyak destinasi pelancongan dan menggiatkan penglibatan sektor swasta.

Tenaga boleh diperbaharui akan memainkan peranan yang penting dalam kepelbagaian bekalan tenaga

negara pada masa akan datang. Usaha Malaysia untuk menggalakkan aktiviti industri yang lebih hijau dan lebih mampan telah mula mendatangkan hasil dengan peningkatan populariti penyelesaian tenaga mesra-alam dalam sektor pengguna dan industri. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan pelaburan dalam projek tenaga boleh diperbaharui (RE) dan projek kecekapan tenaga (EE).

Kerajaan telah menetapkan beberapa sasaran tertentu untuk mempromosikan industri RE di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) – sehingga tahun 2015, lima peratus (985 MW) daripada keperluan tenaga negara adalah daripada sumber RE dan menjelang tahun 2020, sekurang-kurangnya 11 peratus daripada tenaga negara merupakan tenaga boleh diperbaharui. Potensi sumber RE di Malaysia termasuk projek-projek tenaga solar, biomas, biogas dan mini-hidro. Projek campuran yang menggunakan dua atau lebih teknologi pada masa yang sama juga telah berjaya dilaksanakan di beberapa kawasan. Setakat Disember 2013, sebanyak 2,760 projek RE telah diluluskan dengan jumlah kapasiti 536 MW.

Sambutan para pelabur terhadap mekanisme *Feed-in Tariff* (diperkenalkan pada tahun 2011) dan pelbagai insentif cukai yang diperkenalkan untuk menggiatkan pelaburan ke dalam RE adalah menggalakkan. Bagaimanapun, sambutan terhadap projek-projek EE tidak seiring dengan perkembangan ini disebabkan rejim tarif elektrik yang rendah. MIDA akan melipatgandakan usaha untuk menggalakkan projek bertenaga tinggi supaya melabur dalam inisiatif EE yang dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan menjamin perniagaan yang lebih mampan.

Industri minyak dan gas (O&G) Malaysia merupakan penyumbang utama kepada KDNK negara sejak tahun 1972. Pada tahun 2013, MIDA membantu perlaksanaan projek-projek tujuh buah syarikat dengan pelaburan komited sebanyak RM5.5 bilion dan dijangka akan menjana 330 peluang pekerjaan. MIDA juga telah mengadakan dialog dengan PETRONAS, Malaysian Petroleum Resources Corporation (MPRC), Malaysia Oil and Gas Services Council (MOGSC), American Petroleum Institute (API) dan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengenal pasti hala tuju dan pembangunan sektor minyak dan gas. Di samping itu, MIDA telah menganjurkan misi projek khas ke United



Industri tenaga boleh diperbaharui Malaysia terus menarik minat pelabur. Setakat Disember 2013, sebanyak 2,760 projek RE telah diluluskan dengan jumlah kapasiti sebanyak 536 MW. *Imej dengan ihsan SIRIM Berhad.*

Kingdom, Belanda, Perancis, Norway dan Amerika Syarikat untuk mempromosikan industri O&G Malaysia.


**Malaysia mempunyai kadar agregat pengeluaran semasa sebanyak 730,000 tong minyak mentah sehari dan 56.63 juta meter padu standard gas asli sehari yang menjadikan negara pengeksport ketiga terbesar gas asli cecair (LNG) di dunia.**

Malaysia mempunyai kadar agregat pengeluaran semasa sebanyak 730,000 tong minyak mentah sehari dan 56.63 juta meter padu standard gas asli sehari yang menjadikan negara pengeksport ketiga terbesar gas asli cecair (LNG) di dunia. Malaysia berada di kedudukan yang strategik untuk menjadi hab serantau bagi jentera, peralatan, fabrikasi dan perkhidmatan dalam industri minyak dan gas. Negara berkeupayaan kukuh dalam aktiviti *greenfield* dan *brownfield* dan perubahan kawasan penerokaan baru-baru ini kepada kawasan laut dalam di Asia Pasifik, telah mewujudkan banyak peluang untuk pelabur. Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti ini dijangka akan menjana lebih daripada 52,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020 di mana 50 peratus daripadanya dalam bidang kejuruteraan dan geologi.

Untuk menyokong pertumbuhan subsektor O&G, MIDA sedang meningkatkan usaha promosi untuk menarik pakar-pakar perolehan minyak tertingkat (EOR) dan pembekal penyelesaian bersepada bagi medan marginal, medan air dalam, medan gas

## Peluang Pelaburan yang Sihat

Di bawah dasar liberalisasi kerajaan, hospital swasta, klinik perubatan dan klinik pakar pergigian swasta dibenarkan memiliki 100 peratus ekuiti asing.



Landskap bagi industri penjagaan kesihatan sedang berubah selari dengan demografi Malaysia. Apabila usia penduduk semakin meningkat, Kerajaan aktif menggalakkan industri-industri yang mensasarkan warga tua, termasuk membangunkan kampung persaraan, perkhidmatan kesihatan bergerak dan kemudahan penjagaan institusi. Untuk menyokong industri ini, usaha sedang dijalankan untuk merangka perundungan bagi mengawal Pusat Jagaan Kediaman Bersepadu (*Integrated Residential Care Centres, IRCC*). Rundingan sedang dijalankan untuk menggalakkan bank-bank supaya menawarkan produk gadai janji berbalik (*reverse mortgage*) dan syarikat-syarikat insurans supaya memperkenalkan produk yang meliputi penjagaan kediaman dan keperluan penjagaan jangka panjang. Industri ini dijangka mewujudkan 11,400 pekerjaan baharu dan menjana pendapatan negara kasar sebanyak RM1 bilion menjelang tahun 2020.

Malaysia juga menempatkan dirinya sebagai destinasi pilihan di rantau ini bagi pelancongan perubatan dan penjagaan kesihatan, walaupun adanya persaingan yang agresif daripada negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand yang memberi cabaran baharu kepada industri ini. Resort bersepadu Kesihatan dan Kesejahteraan Malaysia yang pertama di Mines Wellness City (MWC) dijangka akan menjadi salah satu daripada destinasi pelancongan kesihatan utama di rantau ini, dan Kerajaan menawarkan beberapa insentif cukai kepada para pelabur dalam projek ini. Pakar-pakar perubatan yang bekerja dalam MWC akan juga menikmati penggajian automatik bersyarat dan kelulusan pas profesional.

karbon dioksida tinggi dan medan tekanan/suhu tinggi. Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dalam perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (*maintenance, repairs and overhaul, MRO*) serta perkhidmatan pemeriksaan dan ujian. Perkhidmatan khas lain yang telah disasarkan termasuk perolehan data seismik, perkhidmatan tafsiran dan pemprosesan; reka bentuk kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan kemudahan pengeluaran; dan perkhidmatan kejuruteraan kakisan dan kejuruteraan alam sekitar.

Satu lagi industri menarik di Malaysia ialah aeroangkasa yang meliputi subsektor penerbangan

dan angkasa. Pada tahun 2013, enam projek telah diluluskan dalam industri aeroangkasa dengan pelaburan sebanyak RM387.3 juta. Pelaburan asing dalam projek-projek ini berjumlah RM196.7 juta (51 peratus), manakala pelaburan domestik berjumlah RM190.6 juta (49 peratus). Terdapat sembilan syarikat di Malaysia yang terlibat dalam pemasangan pesawat, 20 syarikat dalam pembuatan peralatan dan komponen pesawat termasuk peralatan sokongan di darat dan lebih daripada 34 syarikat dalam aktiviti-aktiviti MRO. Kebanyakan syarikat ini adalah syarikat usahasama yang melibatkan pelabur asing disebabkan teknologi dan kepakaran yang dimiliki dan keperluan pematuhan yang ketat oleh industri aeroangkasa

untuk memastikan bahawa produk dan komponen adalah layak terbang. Industri ini juga berintensifkan teknologi dan melibatkan tahap R&D yang tinggi yang akan meningkatkan tahap teknologi dan kemahiran di kalangan rakyat Malaysia. Kemahiran ini boleh dipindahkan kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi.


Industri aeroangkasa dijangka akan menyumbang sebanyak RM16 bilion tambahan kepada KDNK dan mewujudkan kira-kira 32,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Pusat Antarabangsa Aeroangkasa Malaysia (*Malaysia International Aerospace Centre, MIAC*) di Subang akan membantu Malaysia mencapai matlamat ini, manakala Bandar Teknologi Komposit di Lapangan Terbang Batu Berendam di Melaka sedang menerusi usaha negara untuk memainkan peranan utama dalam pembuatan komposit ringan.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pembuatan Aerostruktur untuk menjalankan R&D berkaitan dengan pembuatan struktur pesawat dan juga perkhidmatan sebagai pusat kajian dan latihan peringkat tinggi. Satu kolaborasi di antara Kerajaan Malaysia dan peneraju industri, pusat ini adalah sebuah organisasi didorong-industri yang memadankan permintaan industri untuk penyelidikan dan teknologi dengan keupayaan tempatan Malaysia. MIDA secara aktif sedang mempromosikan pelaburan ke dalam aktiviti-aktiviti reka bentuk, pembuatan dan pemasangan aeroangkasa serta perkhidmatan sokongan seperti aktiviti-aktiviti MRO dan pusat-pusat latihan untuk anak kapal, jurutera, pengawal trafik udara dan juruteknik.

### TINJAUAN

Pada tahun 2013, sektor perkhidmatan Malaysia menyumbang kira-kira 55.2 peratus kepada KDNK negara<sup>5</sup>. Bagaimanapun, angka ini dijangka akan meningkat kepada 67 peratus sejarah dengan pemelbagaiannya mendatar ekonomi negara yang berterusan. Pelancaran Rangka Tindakan Sektor Perkhidmatan pada tahun 2014 yang ditunggu-tunggu, dijangka akan mempunyai kesan yang besar terhadap sektor perkhidmatan negara. Rangka tindakan ini akan menggariskan strategi umum dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membangunkan sektor perkhidmatan dan mengenal

<sup>5</sup> Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2013



MIDA sedang mempromosikan secara aktif pelaburan di dalam aktiviti-aktiviti reka bentuk, pembuatan dan pemasangan aeroangkasa serta perkhidmatan sokongan seperti aktiviti-aktiviti MRO dan pusat latihan untuk anak kapal, jurutera, pengawal trafik udara dan juruteknik.

pasti subsektor yang mempunyai potensi ekonomi untuk dibangunkan oleh negara secara agresif. MIDA akan menerusi agenda pelaburan dalam rangka tindakan tersebut dan meningkatkan lagi usaha dalam menggandakan pelaburan sektor perkhidmatan.

Maju ke hadapan, pelaburan swasta dalam sektor perkhidmatan dijangka akan dipacu oleh pelaburan domestik dengan peningkatan perbelanjaan modal dalam sektor penjagaan kesihatan dan pendidikan yang didorong oleh transformasi Malaysia ke arah hab perubatan dan pendidikan. Perbelanjaan domestik dan aktiviti-aktiviti pelancongan juga dijangka akan menarik pelaburan ke dalam projek hotel dan pelancongan serta perdagangan runcit.

Pelaburan dalam segmen harta tanah perumahan juga dijangka akan kekal kukuh, disokong oleh pembinaan harta tanah perumahan pertengahan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk

kediaman mampu milik. Seterusnya bagi subsektor telekomunikasi, peningkatan yang berterusan dan penambahan kapasiti untuk menyokong perkembangan data mudah alih dijangka akan menarik jumlah pelaburan yang signifikan dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS) akan memudahkan aliran bebas perkhidmatan dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun 2015 di mana Malaysia berada di kedudukan yang unik untuk meraih peluang perdagangan perkhidmatan yang bebas dan saksama di rantau ini. Pelabur-pelabur amat berminat untuk mewujudkan kehadiran serantau yang kukuh untuk menyediakan perkhidmatan kepada ekonomi Asia Tenggara yang bernilai AS\$2 trilion, di mana lima negara membangun (Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Viet Nam) dijangka akan mempunyai pertumbuhan purata KDNK tahunan jangka panjang sebanyak 7 peratus sehingga tahun 2050. Agenda APEC tentang Keberkaitan Serantau dan Pelan Induk Agenda tentang Keberkaitan ASEAN juga dijangka bergantung kebanyakannya kepada laluan sambungan dan infrastruktur intra-SEA Malaysia dan ternyata akan menjadi faktor yang penting dalam keputusan MNC yang ingin berpangkalan di rantau ini.

Komitmen Kerajaan kepada AFAS setakat ini meliputi liberalisasi 100 subsektor perkhidmatan di mana 20 lagi subsektor akan diliberalisasi pada tahun 2014. Kerajaan akan terus mempertimbangkan liberalisasi progresif subsektor perkhidmatan lain yang boleh menyumbang dan menambah nilai kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Subsektor pelancongan, penjagaan kesihatan, pembinaan dan pendidikan swasta semuanya telah mampu memanfaatkan liberalisasi pasaran yang lebih besar. Walau bagaimanapun, subsektor lain mungkin menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri kepada perubahan yang akan dibawa oleh inisiatif liberalisasi ini. MIDA akan memantau nadi pasaran dengan teliti untuk mengukur reaksi pelabur terhadap inisiatif liberalisasi ini dan memastikan bahawa pelabur tidak terlalu terjejas dengan perubahan dalam dinamik pasaran.

## PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan Malaysia terus menghasilkan peluang-peluang yang signifikan ketika negara

Jadual 3: Bilangan Subsektor untuk Diliberalisasi

| Tahun | Bilangan Subsektor Baharu | Jumlah minimum Bilangan Subsektor yang Dijanjikan |
|-------|---------------------------|---|
| 2010  | 4                         | 3   |
| 2012  | 11                        | 6   |
| 2014  | 450                       | 460   |
| 2015  | 4                         | 3   |

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

beralih daripada aktiviti ekonomi bernilai ditambah rendah kepada aktiviti bernilai ditambah tinggi yang menjanjikan pertumbuhan mampar untuk jangka masa panjang. Sektor ini telah menarik 787 projek pelaburan diluluskan bernilai RM52.1 bilion (23.7 peratus) pada tahun 2013 yang mencatatkan 26.8 peratus lebih tinggi berbanding RM41.1 bilion pada tahun 2012. Pelaburan asing merekodkan RM30.5 bilion (58.5 peratus) daripada jumlah keseluruhan pelaburan manakala baki sebanyak RM21.6 bilion (41.5 peratus) adalah pelaburan domestik.

Sumber pelaburan asing tertinggi pada tahun 2013 ialah Amerika Syarikat (RM6.3 bilion) yang diikuti oleh Republik Korea (RM5.5 bilion) dan Kesatuan Eropah (EU) (RM5.1 bilion). Pelabur-pelabur asing utama yang lain adalah Singapura (RM4.5 bilion) dan Jepun (RM3.6 bilion). Jumlah gabungan kelima-lima negara ini merekodkan 82 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2013 yang dijangka mewujudkan 93,000 peluang pekerjaan. Kira-kira 75,000 daripada pekerjaan-pekerjaan ini adalah dalam kategori Pengurusan, Teknikal, Penyeliaan dan Tenaga Kerja Mahir (MTSS). Peningkatan daripada 73.5 peratus pada tahun 2012 kepada 81.4 peratus pada tahun 2013 bagi komposisi guna tenaga dalam kategori MTSS adalah sangat memberangsangkan yang didorong oleh peningkatan permintaan dan ketersediaan tenaga kerja kemahiran tinggi. Sebahagian besar daripada peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam subsektor Elektrik & Elektronik (E&E), produk getah dan peralatan pengangkutan.


Intensiti modal pada tahun 2013 ialah RM560,299 sebagaimana yang diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) dalam setiap projek diluluskan. Industri yang mempunyai nisbah CIPE

## Dikehendaki: Pelabur Hijau

Kos industri dan kepenggunaan berkaitan alam sekitar yang semakin meningkat telah menyebabkan Kerajaan menjadikan teknologi hijau satu bidang utama pembangunan bagi Malaysia.

Di *United Nations Framework Conference on Climate Change* (UNFCCC)-COP 15 Copenhagen, Malaysia mengumumkan bahawa ia akan mengurangkan secara sukarela pelepasan gas-gas rumah tanaman kepada 40 peratus menjelang tahun 2020, berbanding tahun 2005 tertakluk kepada bantuan daripada negara-negara maju. Untuk mencapai matlamat ini, inisiatif bersama *Green Technology Foresight 2030* oleh *Malaysian Industry – Government Group for High Technology* (MIGHT) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Malaysia (KeTTHA) telah mengenal pasti beberapa inisiatif hijau di dalam subsektor bangunan, tenaga, perhutanan, ICT, perkilangan, pengangkutan, sisa buangan dan air yang akan membolehkan Malaysia mencapai matlamat-alam sekitarnya.

Peluang pelaburan yang paling menguntungkan terletak di projek-projek penjanaan dan penggunaan tenaga hijau, termasuk penjanaan bersama sektor-sektor perindustrian dan komersial. Kerajaan



jugalah menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan, pengurusan, penyelenggaraan dan perobohan bangunan. Malaysia mengalaukan projek-projek teknologi hijau yang boleh menambahbaik sistem pengurusan air dan sisa negara, seperti projek olahan air sisa dan tapak pelupusan tanah sisa pepejal sanitari. Aplikasi-aplikasi teknologi hijau dalam subsektor pengangkutan termasuk infrastruktur dan kendaraan, biobahan api pengangkutan jalan awam amat digalakkan.

Inisiatif-inisiatif ini menggambarkan peluang pelaburan yang bernilai bagi para pelabur yang boleh memanfaatkan teknologi hijau untuk mempercepatkan ekonomi negara dan menggalakkan pembangunan mampar.

tertinggi pada tahun 2013 ialah produk petroleum termasuk petrokimia (RM9.4 juta), produk logam asas (RM1.6 juta), dan kimia & produk kimia (RM1.5 juta). Terdapat 14 projek dengan pelaburan sebanyak lebih RM1 bilion setiap satu. Pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM24.8 bilion atau 47.6 peratus daripada pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun ini. Kesemua projek ini akan memberi kesan pengganda yang cukup besar terhadap sektor perkilangan dan ekonomi negara, termasuk rantaian ke hadapan dan ke belakang, pembangunan kemahiran dan industri sokongan,

pemindahan teknologi baharu dan penyelidikan & pembangunan serta penyumberan tempatan.

Kerajaan terus mengambil pelbagai langkah dan inisiatif di peringkat persekutuan dan negeri bagi memudahkan para pelabur dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan. Bilangan projek perkilangan yang diluluskan daripada tahun 2009 sehingga 2013 kini berjumlah 4,113, di mana 3,124 (76 peratus) projek daripadanya telah dilaksanakan. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah 2,845 daripada projek-projek ini telah memulakan pengeluaran manakala


yang lain masih dalam peringkat pembinaan atau peringkat akhir pemasangan jentera. Sementara sejumlah 77 projek pula telah memperoleh tapak untuk kilang dan 720 projek lagi adalah dalam peringkat perancangan aktif.

## NILAI BESAR

Subsektor elektrikal & elektronik (E&E) ialah subsektor perkilangan terbesar Malaysia yang menyumbang sebanyak 24.5 peratus kepada KDNK negara. Setakat 2013, jumlah pelaburan direalisasikan dalam subsektor E&E ialah RM154.51 bilion (31.1 peratus daripada pelaburan keseluruhan dalam sektor perkilangan), di mana sebanyak 739,860 orang telah digajikan oleh syarikat-syarikat ini yang merupakan 36.4 peratus daripada jumlah tenaga kerja keseluruhan dalam sektor perkilangan.

Eksport produk-produk E&E merangkumi 49 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport perkilangan negara pada tahun 2013 (RM237 bilion) yang membantu Malaysia menjadi pengekspor semikonduktor kelima terbesar dalam dunia pada tahun 2013. International Data Corporation (IDC) meramalkan bahawa hasil daripada semikonduktor di seluruh dunia dijangka bertambah 2.9 peratus tahun-ke-tahun pada tahun 2014 iaitu AS\$329 bilion dan mencecah AS\$366 bilion pada tahun 2017. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh permintaan yang tinggi terhadap produk memori dan logik serta pertambahan dalam kandungan semikonduktor dalam automobil meliputi aplikasi seperti *infotainment* kenderaan dan semikonduktor untuk telefon pintar.

Trend global ke arah *Internet of Things* (IoT) dijangka akan memberi impak besar kepada industri semikonduktor. Sensor dan peranti elektromekanikal mikro (MeM) memainkan peranan utama dalam perkembangan ini. Sekiranya Malaysia ingin seiring dengan anjakan global ke arah IoT, negara hendaklah menggiatkan usaha untuk membangunkan sensor dan MEM yang bernilai lebih tinggi. Pertumbuhan industri elektronik tempatan juga memanfaatkan potensi yang besar dalam pasaran peranti mudah alih. Malaysia membekalkan komponen seperti sensor dan cip frekuensi radio (RF) kepada sesetengah pembuat telefon mudah alih yang terkenal di dunia.




**Malaysia adalah pengekspor kelima terbesar alat-alat semikonduktor di dunia. Kira-kira 90 peratus daripada jumlah komponen elektronik eksport terdiri daripada semikonduktor.**

Selain industri semikonduktor, industri solar dan LED juga perlu terus dimajukan bagi memenuhi permintaan global. Pemain industri digalakkan untuk meningkatkan rantaian nilai dan menjalankan aktiviti R&D dalam kedua-dua industri ini. MIDA telah mengenal pasti jurang dalam ekosistem kedua-dua industri ini dan sedang giat mencari syarikat berpotensi bagi merapatkan jurang tersebut. Selain menganjurkan Misi Projek Khas (SPM) ke negara-negara yang dilimpahi teknologi maju dan sumber pelaburan, MIDA juga mengambil bahagian dalam acara antarabangsa yang akan menonjolkan keupayaan Malaysia dalam industri ini dan industri sasaran lain.

Syarikat-syarikat E&E sedia ada bukan sahaja telah mengembangkan operasi mereka secara *horizontal* tetapi juga memperluaskan operasi secara *vertical integration* dengan melibatkan aktiviti-aktiviti bernilai tinggi, terutamanya aktiviti reka bentuk dan pembangunan (D&D). Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan yang telah mempelajari selok-belok perniagaan daripada pendedahan pelbagai syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia, turut memainkan peranan utama dalam menyokong pertumbuhan industri elektronik. Kesungguhan dan semangat keusahawanan di kalangan bakat-bakat tempatan telah melahirkan banyak PKS yang menyediakan khidmat dan produk bernilai tinggi.

Kerajaan juga telah mengenal pasti industri jentera dan kelengkapan (M&E) sebagai bidang pertumbuhan utama dalam ekonomi Malaysia, khususnya dalam



pembuatan M&E bernilai ditambah tinggi dan teknologi termaju. Sektor M&E yang kukuh akan menerusi peralihan Malaysia menjadi negara berteknologi tinggi kerana berkait rapat dengan sektor-sektor ekonomi penting yang lain. Pada tahun 2013, sejumlah 90 projek dengan pelaburan sebanyak RM2 bilion telah diluluskan dalam industri M&E yang dijangka akan menjana 4,726 pekerjaan baharu. Pelabur asing menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pelaburan ini (61 peratus atau RM1.2 bilion), sementara bakinya adalah pelabur domestik (39 peratus atau RM771.2 juta).

Hala tuju industri M&E pada masa hadapan akan terus memberi tumpuan kepada teknologi tinggi dan M&E bernilai ditambah tinggi. Subsektor M&E yang khusus itu akan menjadi bidang pertumbuhan utama dalam industri M&E dan memudahkan peralihan Malaysia ke arah teknologi dan aktiviti berkemahiran tinggi yang menghasilkan pendapatan lebih tinggi. Selain itu, seiring dengan peningkatan permintaan terhadap M&E yang berkecakapan tenaga, syarikat-syarikat dalam subsektor penjanaan kuasa M&E dijangka akan meningkatkan rantaian nilai ke arah pembuatan sistem penjanaan kuasa yang mesra alam dan penyelesaian

## Kejuruteraan Hebat

Industri sokongan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi Malaysia.

Sektor M&E dan sektor ekonomi lain sebahagian besarnya disokong oleh industri sokongan kejuruteraan yang menawarkan aktiviti-aktiviti acuan dan dai, pemesinan, mengecap logam, acuan logam, kejuruteraan permukaan, rawatan haba dan penempaan. Sejumlah 17 projek telah diluluskan dalam industri ini pada tahun 2013 dengan pelaburan sebanyak RM528.3 juta, yang kebanyakannya adalah daripada pelabur asing.

Makropersekitaran ekonomi yang mencabar dan minat yang berterusan kepada ekonomi kos rendah dan berintensif buruh di rantau ini merupakan cabaran kepada industri sokongan kejuruteraan Malaysia. Sub-sektor ini boleh bersaing dengan mengeluarkan produk bernilai – ditambah yang tinggi dan perkhidmatan bersepdu yang memberi tumpuan kepada reka bentuk dan pembangunan (D&D), jaminan kualiti yang ketat dan penghantaran mengikut masa.

Malaysia sedang menempatkan dirinya sebagai ‘One Stop Centre’ bagi perkhidmatan kejuruteraan dengan menaik taraf kemudahan-kemudahannya dan memperoleh teknologi untuk memenuhi syarat-syarat Pengeluar Peralatan Asal (*Original Equipment Manufacturers*, OEM). Industri itu telah pun bersedia



untuk pensijilan antarabangsa untuk membekalkan bahagian-bahagian dan komponen kepada industri-industri minyak dan gas, aeroangkasa dan perubatan. Oleh kerana pasaran penyumbangan luar global sedang berkembang pesat, terdapat peluang pelaburan bagi pembekal-pembekal penyelesaian keseluruhan dalam industri ini, terutamanya untuk aktiviti-aktiviti teknologi tinggi.

Syarikat-syarikat dalam industri ini perlu menggabungkan dan merasionalkan diri mereka untuk memberi penyelesaian keseluruhan bagi melengkapkan pertumbuhan sektor pembuatan di Malaysia yang sedang menuju ke arah industri-industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan bernilai-tambah tinggi. Dengan berbuat demikian, negara akan dapat menawarkan perkhidmatan bersepdu dari konsepsi kepada reka bentuk produk, prototaip dan pengeluaran serta menguruskan perolehan, logistik, pembungkusan, ujian dan pensijilan.

tenaga boleh diperbaharui seperti turbin air dan angin serta sistem penjanaan kuasa fotovoltaik.

Subsektor jentera kerja logam mengeluarkan perkakas mesin pemotong logam dan perkakas mesin pembentuk logam yang merupakan tumpuan utama syarikat-syarikat domestik. Ini adalah kerana teknologi yang diperlukan untuk mengeluarkan perkakas pemotong logam merupakan cabaran besar kepada jurutera dan tidak banyak syarikat dapat memenuhi piawai ketat yang dikehendaki oleh

pelanggan. Usaha promosi MIDA dalam subsektor ini tidak hanya tertumpu kepada kemudahan perkilangan tetapi juga kepada Pusat Teknologi Serantau dan Pusat Pemerolehan Serantau atau Antarabangsa yang akan menjulang profil Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan.

Sebaliknya, subsektor M&E perindustrian am, modul dan komponen Malaysia telah pun berjaya beranjak menjadi satu industri kompetitif di peringkat global di mana syarikat-syarikat domestik telah pun

memperolehi pengiktirafan antarabangsa. Malaysia kini merupakan pengilang utama di Asia Tenggara bagi bekas tekanan, alatan proses dan modul untuk industri kimia, petrokimia serta minyak dan gas. Industri ini sedang maju ke arah bidang pembuatan barang M&E terkini untuk industri berteknologi tinggi seperti pemprosesan semikonduktor *front-end*, perubatan serta minyak dan gas.

Industri M&E dan sokongan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam menyokong industri automotif Malaysia yang menarik pelaburan berjumlah RM5.6 bilion dalam 63 projek yang diluluskan pada tahun 2013. Kini terdapat kira-kira 800 pembuat komponen dalam industri tersebut di mana 80 peratus daripadanya adalah milik warga Malaysia. Lebih daripada 70 peratus daripada syarikat-syarikat ini telah memperoleh piawaian antarabangsa seperti ISO 9000, TS16949 serta ISO 14000 dan telah berjaya mengeksport produk ke Jepun, Jerman dan UK. Kini industri ini telah mencipta kluster teknologi automotif termaju yang baharu dan mempertingkatkan pembangunan produk melalui aktiviti R&D dan pengenalan teknologi baharu. Dasar Automotif Nasional 2014 akan memberi tumpuan untuk menjadikan Malaysia hab serantau bagi kenderaan berkecekapan tenaga (EEV) sambil meningkatkan eksport kenderaan dan komponen automotif. Sumbangan industri ini kepada KDNK Malaysia dijangka meningkat sekurang-kurangnya 2.1 peratus pada tahun 2014.

### MEMACU DAYA SAING

Meskipun aktiviti industri berat seperti perkilangan E&E, logam, jentera dan kejuruteraan mendominasi landskap ekonomi Malaysia, negara beransur menjadi pemain utama dalam industri ringan bernilai ditambah tinggi yang menawarkan prospek pertumbuhan luar biasa. Salah satu daripada industri ini ialah subsektor bahan kimia dan produk kimia yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Industri bahan kimia merupakan industri yang penting dalam sektor perkilangan kerana ia membekalkan input kepada pelbagai industri seperti elektrik dan elektronik, automotif, tekstil serta pembangunan pertanian. Oleh itu dua industri kimia terbesar di Malaysia ialah petrokimia dan oleokimia. Harga



Syarikat-syarikat dalam subsektor penjanaan kuasa M&E dijangka naik dalam rantaian nilai ke dalam pembuatan sistem penjanaan kuasa mesra alam dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui seperti turbin air dan angin dan sistem penjanaan kuasa fotovoltaik.

yang kompetitif untuk bahan mentah bagi industri-industri itu menjadikan Malaysia hab kimia serantau yang berdaya maju dan menjadi faktor utama dalam kejayaan subsektor itu yang menarik pelaburan daripada pengilang petrokimia dan bahan kimia terkemuka. Pertumbuhan pesat industri ini disebabkan ketersediaan bahan mentah seperti minyak, gas dan minyak sawit, infrastruktur negara yang baik dan asas perkhidmatan sokongan yang kuat. Para pelabur juga tertarik kepada lokasi Malaysia yang strategik di rantau ASEAN dan berhampiran pasaran-pasaran utama di Timur Jauh.

Tiga zon utama petrokimia telah ditubuhkan di Kertih, Terengganu; Gebeng, Pahang; dan Pasir Gudang/Tanjung Langsat, Johor. Setiap zon adalah kompleks bersepdu yang mengandungi kemudahan pemecah, *syngas* dan bahan aromatik untuk menghasilkan bahan mentah bagi produk hiliran petrokimia. Kemudahan dan infrastruktur yang serupa sedang dibangunkan di zon perindustrian Gugusan Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di Sabah

## Impian Ahli Farmasi

Industri farmaseutikal Malaysia mempunyai potensi besar untuk berkembang.

Seperti di kebanyakan negara, pembuatan produk farmaseutikal di Malaysia dikawal ketat. Setakat Disember 2013, terdapat 263 fasiliti yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dادah (Drug Control Authority, DCA) di Malaysia, di mana lebih daripada dua pertiga jumlah ini menghasilkan ubat-ubatan tradisional. Pengeluar-pengeluar domestik lain mengeluarkan ubat-ubatan generik, makanan tambahan kesihatan dan produk-produk semula jadi. Pada tahun 2013, sebanyak 12 projek dengan pelaburan bernilai RM539 juta telah diluluskan dalam industri ini.

Pasaran farmaseutikal Malaysia telah dinilai sebanyak AS\$2.11 bilion pada tahun 2013, dengan purata tahunan pertumbuhan eksport sebanyak 10–12 peratus setiap tahun. Industri farmaseutikal Malaysia banyak bergantung kepada inovasi dan ubat-ubatan generik asing, terutamanya bagi rawatan moden dan berteknologi tinggi. Bagaimanapun, negara mempunyai keupayaan untuk menghasilkan hampir semua bentuk dos, termasuk persediaan-persediaan steril seperti titisan mata, bahan suntikan dan kapsul gelatin lembut. Pengeluar tempatan juga telah membangunkan dan melancarkan produk generik berpaten dan produk



herba berpaten menggunakan jenama-jenama mereka sendiri.

Industri ini bercadang untuk mengambil kesempatan atas paten yang habis tamat tempoh untuk ubat-ubatan utama seperti Oxycontin, Lipitor dan Cymbalta antara lain dan menggunakan kesempatan ini sebagai asas bagi menambahkan eksport produk farmaseutikal buatan Malaysia. Kerajaan khususnya berminat dalam produk dan ramuan farmaseutikal bernilai ditambah tinggi seperti vaksin dan biosimilar serta entiti-entiti kimia yang baru dan nutraceutical yang baharu. Sebagai ahli OIC dan pelopor dunia yang dihormati dalam barang halal, Malaysia juga merancang untuk menjadi pengeluar utama farmaseutikal halal yang akan dihasilkan mengikut Standard Farmaseutikal Halal MS2424:2012.

bagi menyokong pembangunan industri oleokimia. Malaysia kini menyumbang kira-kira 20 peratus daripada eksport oleokimia asas dunia, akan tetapi Kerajaan berhasrat agar industri dapat meningkatkan lagi eksport bahan terbitan oleokimia bernilai ditambah tinggi.

Walaupun terdapat bekalan bahan mentah dan insentif fiskal serta dasar Kerajaan yang kukuh bagi membantu pertumbuhan industri kimia, namun subsektor itu terus bergelut dengan isu-isu seperti

kekurangan teknologi, kekurangan tenaga kerja mahir dan kesan kepada alam sekitar. Sebahagian besar syarikat oleokimia Malaysia yang beroperasi hari ini merupakan usahasama dengan pelabur asing yang juga menyumbang kepakaran teknologi, modal dan pengetahuan bagi projek-projek itu. Industri ini hendaklah memberi tumpuan kepada penambahbaikan produk dan proses pengeluaran dengan melabur ke dalam pembangunan teknologi dan keupayaan R&D sendiri. Ini akan membolehkan industri itu untuk membina kepakarannya di samping

mengurangkan kos pengeluaran. Harga bahan mentah dan bahan api yang kian meningkat akan mencabar industri itu dalam jangka pendek tetapi pelaburan dalam teknologi bijak akan membolehkan industri menghadapi sebarang kenaikan kos mendadak.

### Pertumbuhan pesat industri ini disebabkan ketersediaan bahan mentah seperti minyak, gas dan minyak sawit, infrastruktur negara yang baik dan asas perkhidmatan sokongan yang kuat.

Seperti kebanyakan sektor ekonomi lain, industri kimia telah terjejas teruk akibat kemerosotan ekonomi yang berpanjangan. Industri ini dijangka pulih semula seiring dengan pemulihan industri pengguna dan penambahbaikan dalam pasaran eksport global. Masa depan industri ini akan ditentukan oleh beberapa trend mega global yang sedang muncul seperti pertumbuhan penduduk, kekurangan air dan makanan. Isu-isu kemampuan termasuk kegunaan tenaga dan perubahan iklim akan juga memberi impak kepada pembangunan industri ini.

Untuk menguasai pasaran global yang lebih besar dalam produk kimia, subsektor kimia negara perlu memenuhi piawaian alam sekitar dan keselamatan awam yang lebih ketat. Teknik pengurusan kitaran hayat produk dari peringkat awal hingga akhir akan membantu meyakinkan pelanggan bahawa produk mereka selamat dari segi pemeliharaan persekitaran, bermula dari peringkat reka bentuk ke kegunaan akhir hingga ke pelupusan. Syarikat-syarikat kimia yang paling berjaya ialah syarikat yang membangunkan produk yang menjadikan kehidupan dan bumi kita lebih sihat.

Industri yang boleh membantu dunia ini menjadi lebih sihat ialah industri bioteknologi. Bidang bioteknologi telah dikenal pasti sebagai salah satu teknologi teras bagi mempercepatkan transformasi Malaysia menjadi negara industri menjelang tahun 2020. Industri ini banyak diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk produk-produk bio-perubatan, bio-farmaseutikal, bio-pertanian dan bio-industri. Sejumlah 18 projek dengan pelaburan sebanyak RM856.2 juta telah diluluskan dalam industri ini pada tahun 2013 yang mana 17 daripada projek itu merupakan syarikat-syarikat kumpulan Bionexus Status, dengan pelaburan

sebanyak RM697.6 juta. Menjelang 2020, industri ini dijangka menyumbang lima peratus kepada KDNK negara dengan pelaburan kira-kira RM8 bilion.

Sebagai salah satu daripada 17 negara yang berkepelbagaian tinggi di dunia, Malaysia memiliki semua elemen untuk menyokong kejayaan industri bioteknologi. Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) dan Program Transformasi Bio-ekonomi (BTP) telah merangka strategi pertumbuhan industri ini bagi tempoh dua dekad yang akan datang menerusi 20 Projek Pencetus yang dikenal pasti berpotensi menyumbang kepada pendapatan negara kasar sebanyak RM3.6 bilion dan 16,300 pekerjaan berkualiti tinggi menjelang 2020. Memandangkan pertumbuhan pesat sektor ini, Kerajaan menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam produktiviti pertanian, penemuan dalam penjagaan kesihatan dan penggunaan proses perindustrian yang mampan. Bidang tumpuan utama bagi industri bioteknologi Malaysia ialah bahan biofarmaseutikal (antibodi dan vaksin), bahan nutraceutical, produk bio-perubatan, sistem bio-diagnostik, enzim serta produk herba dan marin.

Salah satu daripada benefisiari industri bioteknologi ialah industri makanan proses yang mempunyai kepelbagaian seperti budaya dan citarasa warga Malaysia. Sebahagian besar industri ini dimiliki rakyat Malaysia dan merangkumi sektor-sektor seperti produk koko dan coklat, produk perikanan, bijirin dan produk bijirin, produk bakeri dan biskut, rempah ratus, produk makanan lain, makanan haiwan dan minuman. Walau pun kebanyakan bahan mentah bagi aktiviti pemprosesan makanan adalah diimport, Malaysia masih lagi dianggap sebagai hab pembuatan bagi makanan proses. Malaysia menarik 66 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion pada tahun 2013, di mana RM2.1 bilion (74.1 peratus) adalah pelaburan asing.

Kini Kerajaan sedang mempromosikan pelbagai jenis produk makanan termasuk coklat dan produk konfeksioneri, produk akuatik dan makanan tambahan yang boleh memanfaatkan kepakaran Malaysia dalam bidang bioteknologi. Syarikat-syarikat juga boleh menikmati galakan istimewa bagi produk halal terpilih yang dikeluarkan di zon-zon perindustrian halal.

Industri produk kelapa sawit kekal sebagai salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Lebih 80 peratus daripada produk sektor ini dieksport

yang membawa hasil sebanyak RM61.4 bilion pada tahun 2013. Malaysia merupakan salah satu daripada pengeluar dan pengeksport produk kelapa sawit terbesar di dunia. Sektor ini juga menggalakkan penggunaan biojisim palma dalam produk-produk bernilai ditambah seperti papan lapis, produk komposit dan pelet. Pada tahun 2013, sejumlah 32 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion telah diluluskan dalam industri ini.

Industri berasaskan kayu Malaysia telah maju ke arah pengeluaran produk kayu kejuruteraan, daripada bahan-bahan seperti buluh, rotan dan bahan buangan pertanian kepada sisa buangan biojisim kelapa sawit seperti batang, tandan kosong dan isirong disebabkan berkurangnya sumber kayu. Bahan-bahan ini dijadikan papan partikel, papan gentian, pelet, briket dan produk-produk komposit lain untuk pelbagai kegunaan. Industri produk panel dibentuk semula juga telah dipelbagaikan kepada pembuatan produk-produk komposit dibentuk semula bernilai ditambah tinggi seperti komposit polimer bertetulang gentian (FRPC).

Industri berasaskan kayu menarik pelaburan sebanyak RM597 juta dalam 61 projek diluluskan pada tahun 2013. Tumpuan utama sektor ini ialah produk hiliran bernilai ditambah seperti perabot di mana penekanan adalah pada kemasan, reka bentuk dan pengeluaran. Ini merupakan satu perkembangan penting bagi industri berasaskan kayu kerana persaingan yang semakin meningkat daripada negara-negara kos rendah yang kaya dengan sumber, akan memaksa Malaysia keluar daripada pasaran peringkat bawah. Adalah penting bagi industri ini untuk mula mencebur



**Euromonitor meramalkan bahawa pasaran konfeksi coklat Malaysia akan bertambah sebanyak kira-kira 3.7 peratus pada tahun 2014, dengan jualan runcit bernilai AS\$188 juta.**

pasaran premium dengan menawarkan barang berkualiti tinggi selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mendapatkan lebih banyak projek melibatkan reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran perabot kayu dan produk kayu kejuruteraan (tidak termasuk papan lapis).

Industri produk getah Malaysia yang sudah lama bertapak telah menarik 10 projek diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM233.4 juta pada tahun 2013 (tidak termasuk peranti perubatan). Subsektor lateks merupakan 81 peratus daripada nilai keseluruhan eksport produk getah pada tahun 2013 yang sebahagian besarnya terdiri daripada peranti perubatan seperti sarung tangan, kondom, kateter dan bebenang lateks. Walau bagaimanapun, Kerajaan berhasrat untuk menarik lebih banyak projek bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi yang melibatkan produk getah dan lateks istimewa serta produk getah hijau seperti EKOPRENA.

Sejumlah 43 projek dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion telah diluluskan dalam industri peranti perubatan pada tahun 2013. Industri ini merupakan salah satu daripada industri yang berkembang pesat dalam sektor penjagaan kesihatan dan kini terdiri daripada lebih 190 pengilang yang sebahagian besarnya mengeluarkan sarung tangan lateks. Industri ini sedang beralih dari peralatan ringkas seperti depresor lidah dan bekalan am hospital kepada produk bernilai ditambah tinggi dan termaju dari segi teknologi seperti perentak jantung, sten, implan ortopedik dan peralatan prostetik. Pasaran peranti perubatan di Malaysia sedang berkembang pada kadar anggaran 15.9 peratus setahun dan dijangka bernilai AS\$2.8 bilion menjelang tahun 2017.

Industri peranti perubatan Malaysia menikmati ekosistem industri sokongan yang teguh dan menepati piawaian bertaraf dunia. Industri-industri ini menyediakan perkhidmatan pembungkusan dan pensterilan, perkhidmatan pembuatan elektronik, kejuruteraan persis, pembuatan perkakas dan acuan, pengacuan dan pemasangan kontrak serta fabrikasi jentera.


Kewujudan ekosistem ini menjadikan Malaysia sebagai lokasi ideal bagi pembuatan peranti perubatan dan pembekal global bagi alat ganti dan komponen, dengan potensi untuk dibangunkan menjadi hab peranti perubatan di Asia. Semakin ramai pelabur kini

## Kerja-kerja Logam Utama

Menjelang tahun 2020, industri logam asas Malaysia disasarkan akan menyumbang 6.5 peratus kepada KDNK dan menawarkan pekerjaan kepada 225,000 orang.

Industri logam asas Malaysia kini menyumbang empat peratus kepada KDNK negara, kebanyakannya dalam aktiviti pertengahan dan aktiviti hiliran. Bagaimanapun, penggunaan keluli negara dijangka akan bertambah pada kadar 7 – 10 peratus setahun di antara sekarang dan tahun 2020.

Kebanyakan produk logam yang kini dibuat di Malaysia digunakan dalam pembinaan. Kerajaan sedang menggalakkan syarikat-syarikat supaya mempertingkatkan rangkaian nilai industri dengan menggunakan teknologi automasi dan mengeluarkan bahan logam bernilai-tinggi untuk memenuhi aplikasi-aplikasi bernilai-tinggi dalam industri E&E, automotif, jentera & peralatan dan minyak & gas. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melonggarkan peraturan-peraturan industri bagi pembuatan logam, import dan eksport logam. Kerajaan juga telah menggubal standard mandatori untuk produk-produk import dan keluaran tempatan (AP).



Industri logam asas Malaysia juga sedang menjalani proses penstrukturkan apabila syarikat-syarikat domestik bergabung mencari penggabungan dengan pengusaha keluli utama untuk meningkatkan daya saingan dalam industri keluli global. Melangkah ke hadapan, pendekatan MIDA untuk menarik pelaburan dalam sub-sektor ini adalah dengan mempromosikan pelaburan dalam projek-projek yang membuat produk khusus atau aktiviti-aktiviti berdasarkan keperluan keseluruhan ekosistem logam asas. MIDA juga akan menggalakkan pelaburan dalam projek-projek teknologi hijau dan kitar semula yang mungkin memenuhi keperluan strategik bagi industri Malaysia.

beralih kepada produk dan aktiviti bernilai lebih tinggi seperti R&D, D&D dan prototaip di mana banyak peluang timbul bagi pertumbuhan produk termaju dalam bidang terapeutik cerdas, diagnostik dan peralatan pengawasan.

Dengan penguasaan Akta Peranti Perubatan dan Peraturan-peraturan Peranti Perubatan, Malaysia kini diiktiraf sebagai pengeluar peranti perubatan yang boleh dipercayai dalam pasaran global. MIDA secara aktif sedang menggalakkan penubuhan projek-projek yang melibatkan peralatan elektro-perubatan, peralatan kardiovaskular, peralatan ortopedik, produk

diagnostik in-vitro, produk penjagaan luka, produk-produk penjagaan kesihatan di rumah dan penjagaan diri. Malaysia juga mengalu-alukan syarikat yang mengadunkan teknologi bagi menghasilkan peranti, peralatan atau komponen perubatan menggunakan bahan-bahan termaju.

Pelaburan dalam sektor utama mencecah RM19.7 billion pada tahun 2013 di mana pelaburan asing berjumlah RM10 billion (50.8 peratus) dan selebihnya adalah pelaburan domestik. Subsektor perlombongan menarik pelaburan bernilai RM18.8 billion dalam 30 projek yang diluluskan.

Manakala pelaburan-pelaburan lain bertumpu kepada subsektor perladangan dan komoditi (RM330.6 juta) serta subsektor pertanian (RM558.8 juta).

### Dengan penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan dan Peraturan-peraturan Peranti Perubatan, Malaysia kini diiktiraf sebagai pengeluar peranti perubatan yang boleh dipercayai dalam pasaran global.

#### TINJAUAN

Keteguhan Malaysia dijangka dapat mengekalkan negara pada landasan yang stabil pada tahun 2014 mahupun tahun-tahun berikutnya meskipun keadaan ekonomi global yang masih lemah dan tidak menentu. Prospek bagi menubuhkan pasaran tunggal ASEAN adalah menarik bagi kebanyakan syarikat perniagaan. Integrasi ekonomi ASEAN akan mendorong pelaburan domestik di mana syarikat Malaysia akan mencari peluang di luar pasaran tempatan manakala pelabur asing di luar ASEAN pula akan meraih peluang yang terhasil dari integrasi ini.

Malaysia telah membangunkan persekitaran perniagaan yang menggalakkan agar syarikat-syarikat dapat membangunkan bidang-bidang pertumbuhan khusus dalam lingkungan tonggak terbesar industri negara seperti minyak dan gas serta produk-produk E&E. Malaysia mempunyai pengalaman, kepakaran dan infrastruktur yang signifikan dalam industri-industri ini di mana negara berada di landasan yang baik untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat ini.

Perkembangan makroekonomi dan kemasyarakatan di peringkat global dan serantau kini menyediakan

peluang-peluang hebat bagi Malaysia. Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan menjadikan Asia Tenggara pangkalan tunggal bagi pengeluaran dan perkilangan yang berekonomi skala untuk menyaingi negara China. Secara kolektif, komuniti ini akan mempunyai tenaga buruh seramai lebih 625 juta orang dan KDNK hampir AS\$2.5 trilion. Sekiranya AEC mengurangkan kadar tarif dengan signifikan di kalangan negara ASEAN, pengilang Malaysia akan dapat memanfaatkan pelbagai keupayaan di rantau ini seperti R&D (Singapura, Malaysia), pengilangan berintensifkan modal (Malaysia, Thailand) dan buruh (Myanmar, Kemboja).

Kerajaan akan terus menggunakan pendekatan ekosistem bagi memanfaatkan peluang-peluang ini dalam menggalakkan pelaburan swasta dalam negara. Pendekatan ini menggalakkan peluang *greenfield* dalam industri bernilai tinggi dan membantu bakal pelabur memenuhi keperluan modal insan dalam rantaian nilai ekonomi. Selain itu, tumpuan akan diberikan untuk mengenal pasti dan membantu konglomerat tempatan berpotensi dan pemain-pemain industri lain untuk menjadi pengukuh dalam ekosistem itu.

Dalam sektor perkilangan, MIDA akan memberi tumpuan untuk menjana pelaburan berkualiti ke dalam teknologi-teknologi baharu dan baharu muncul yang penting untuk memenuhi agenda jangka panjang negara. Ukuran bagi kejayaan MIDA dalam menarik pelaburan bukan hanya mengenai nilai mutlak pelaburan yang ditarik tetapi juga kualiti pelaburan-pelaburan tersebut. Pelaburan ini hendaklah menyumbang kepada peralihan negara menjadi pusat aktiviti ekonomi yang berteknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi yang memberi impak di peringkat global. ■



# Malaysian Investment Development Authority Media Event



## Kegiatan Dalam dan Luar Negara

Rancangan strategik MIDA semakin rancak pada tahun 2013 ketika agensi ini mula melaksanakan pelbagai rancangan dan menggerakkan aktiviti promosi secara intensif. Aktiviti-aktiviti ini termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan di kalangan pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa, Mesyuarat Meja Bulat dan Seminar Mini, Misi Projek Khusus, Seminar Antarabangsa, Forum dan Dialog serta kempen menerusi media massa.

Pegawai-pegawai MIDA berterusan bekerja untuk menyebarkan inisiatif dasar dan langkah strategik Kerajaan kepada para pelabur, dewan-dewan perniagaan dan orang awam bagi memastikan semua pihak berkepentingan memahami agenda pelaburan kebangsaan serta matlamat dan objektif strategik negara.

MIDA kekal komited untuk memenuhi keperluan para pelabur dengan dasar-dasar yang pro-perniagaan, berhemat dan pragmatik secara berterusan. Agensi ini bertegas mengekalkan saluran komunikasi yang terbuka untuk menerima pendapat dan bertukar-tukar idea sambil mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

Untuk tujuan ini, MIDA menyertai beberapa pameran dan ekspo perdagangan antarabangsa pada tahun 2013 untuk meningkatkan kesedaran tentang peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Pameran dan ekspo perdagangan juga memberi peluang jaringan antara usahawan Malaysia dan asing untuk meninjau kerjasama dan usahasama perniagaan. MIDA juga mengambil bahagian dalam beberapa acara dan jerayawara pada tahun lepas dan memudahkan lawatan promosi pelaburan bagi VIP di dalam dan luar negara. Di samping itu, pegawai-pegawai MIDA menjalankan beberapa misi projek luar negara bagi menggalakkan para pelabur untuk mengambil kesempatan ke atas rancangan transformasi ekonomi Malaysia dan potensi pertumbuhan masa depan.

### PROGRAM PERDANA MIDA

MIDA menganjurkan dua Program Perdana pada tahun 2013: Persidangan Kebangsaan Mengenai Sektor Perkhidmatan (NCSS) dan Forum MIDA.

Persidangan Kebangsaan Mengenai Sektor Perkhidmatan (NCSS) 2013 telah diadakan pada Ogos 2013 di Hotel InterContinental dan dianjurkan oleh MIDA dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Gabungan Industri Pembekal-pembekal Perkhidmatan Malaysia (MSPC), Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) dan Gabungan Industri Perkhidmatan Malaysia (CSIM). Persidangan sehari itu menarik kira-kira 700 peserta, kira-kira 20 peratus lebih ramai berbanding tahun sebelumnya.



Dato' Azman Mahmud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif 1 MIDA menjawab soalan daripada media di Ekspo Pekerjaan Pemuda BN.

Liputan media terhadap NCSS adalah mengagumkan. Pengiklanan pra-acara meliputi kesemua akhbar harian utama termasuk The Star, Berita Harian, Sin Chew Daily, Utusan Malaysia dan The Edge untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap acara itu, manakala satu sidang akhbar yang diadakan semasa acara itu menarik penyertaan daripada 13 wakil media yang mewakili Berita Harian, Sinchew, The Star New Media, Money Compass, Bernama, NSTP, RTM, TV3 dan Harian Metro.

MIDA juga menganjurkan Forum MIDA yang julung kali di adakan pada November 2013, menarik lebih 1,000 pemimpin perniagaan, usahawan, pembuat dasar dan pelabur. Hampir 400 peserta antarabangsa dari 32 negara menghadiri Forum itu yang mempunyai tema "Era Asia: Perspektif Malaysia". Diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre dan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin. Forum itu juga dihadiri oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan



Datuk Noharuddin, Ketua Pengarah Eksekutif MIDA memberikan lesen pembuatan jet perniagaan kepada wakil Jetline International (M) Sdn. Bhd di Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada bulan Mac 2013.

Tan Sri Amirsham A. Aziz, Pengurus MIDA. Forum ini turut disokong oleh Nikkei Business, Site Selection, Maybank dan Media Prima.

Forum MIDA mendapat liputan meluas dalam media cetak dan elektronik. Acara ini dipromosikan melalui media cetak tempatan dan antarabangsa serta papan-papan iklan di Bukit Bintang dan Bangsar yang menarik seramai 64 wakil media tempatan dan antarabangsa. Pada hari tersebut, Euronews menemu bual Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Y.Bhg. Datuk Noharuddin Nordin.

Dengan profil acara yang tinggi ini, Forum MIDA menjadi platform yang ideal bagi *MIDA's Touch Award* yang pertama. Lapan syarikat multinasional – dikenali di MIDA sebagai Lapan Samurai – telah diiktiraf atas sumbangan yang besar dan berkekalan kepada pembangunan ekonomi Malaysia sepanjang empat dekad lalu serta peranan mereka dalam memberi inspirasi kepada jaguh-jaguh tempatan yang kompeten seperti Globetronics, LKT, Eng Teknology, ViTrox dan lain-lain. Lapan Samurai yang diberi penghargaan pada majlis anugerah ini ialah Fairchild Semiconductor (dahulunya National Semiconductor), Intel Malaysia, Agilent (dahulunya Hewlett-Packard), Advanced Micro Devices (AMD), Bosch, Clarion, Osram (dahulunya Litronix) dan Renesas (dahulunya Hitachi).

## MEMBANTU PELABUR

Pegawai-pegawai MIDA telah banyak merantau untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti pelabur sepanjang tahun

2013 dengan menjadi tuan rumah kepada sidang media dan majlis menandatangani perjanjian untuk meraikan kejayaan mereka.

Pada Mac 2013, agensi ini memberi sokongan kepada Program Pembangunan Produk Kreatif untuk Pereka Malaysia (CPD) ekoran kejayaan PhisonTech dalam memperoleh hak untuk mengeluarkan pemacu kilat USB bertemakan *Angry Birds* daripada EMTEC, pemegang lesen rasmi bagi produk *Angry Birds* keluaran Roxio. Acara ini disusuli oleh MIDA dengan Pameran Inovasi Platform Faktor Bentuk Ultra Kecil (uSFF) pada April 2013 untuk memperkenalkan syarikat-syarikat Malaysia kepada Inovasi Platform uSFF – yang sedia untuk digunakan – yang dibangunkan oleh Intel dan Multimedia Development Corporation (MDeC). MIDA juga telah menganjurkan majlis pelancaran Tag Wayarles FOBO (FOBO Wireless Tag) oleh Balda Solutions Malaysia Sdn. Bhd.

Selain itu, MIDA telah juga menganjurkan satu sidang akhbar sempena pengumuman mengenai projek perkilangan Hershey pada Oktober 2013. Kilang konfeksi baharu yang terkini itu akan menggabungkan peralatan dan sistem proprietari Hershey dan akan menampilkan teknologi pembuatan konfeksi terkini yang automatik dan inovatif. Seterusnya pada bulan yang sama, MIDA menganjurkan lawatan Turun Padang yang diketuai oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ke Symmid Corporation Sdn. Bhd. Syarikat reka bentuk semikonduktor tanpa fabrikasi yang berpangkalan di Malaysia ini menyediakan perkhidmatan berbentuk litar bersepada hujung-kehujung kepada syarikat-syarikat reka bentuk tanpa fabrikasi (fabless), syarikat sistem elektronik dan semikonduktor, pembuat peralatan dan penyedia perkhidmatan.

MIDA juga membantu pelabur dalam dua acara sampingan sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA) pada Mac 2013. Acara yang pertama adalah penyerahan rasmi lesen kepada Jetline International (M) Sdn. Bhd untuk mengeluarkan pesawat jet perniagaan komersial. Pelaburan syarikat sebanyak RM1.1 bilion itu akan melibatkan reka bentuk, pembuatan dan sub-pemasangan pesawat jet dan komponen pesawat. Acara seterusnya adalah majlis menandatangani kontrak antara UTC Aerospace Systems dan UPECA Aerotech Sdn. Bhd. Kontrak bernilai RM763 juta

## Saiz Adalah Penting

MIDA bekerjasama dengan MDeC untuk memperkenalkan Inovasi Platform Faktor Bentuk Ultra Kecil (**Ultra Small Form Factor**, uSFF)

MIDA telah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pada bulan April 2013 untuk memperkenalkan Inovasi Platform Faktor Bentuk Ultra Kecil (uSFF) yang dibangunkan oleh Intel dan MDeC. Acara kemuncak ini adalah hasil kerjasama antara Intel Malaysia dan MDeC selama dua tahun untuk mewujudkan piawaian industri untuk sistem PC uSFF yang hanya 16 mm tebal dan mempunyai saiz isipadu di bawah satu liter.

MIDA mempromosikan secara aktif pemindahan teknologi dan berterusan serta membantu syarikat-syarikat Malaysia untuk mengkomersialkan hasil R&D tempatan dalam sektor ICT dan sektor-sektor lain bersama-sama dengan MDeC dan syarikat-syarikat seperti Intel, kata Datuk Phang Ah Tong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II MIDA pada majlis pelancaran itu.



Wakil daripada Intel dan MDeC menunjukkan sistem PC uSFF kepada Datuk Phang Ah Tong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II MIDA (kiri).

MIDA membantu perkongsian MDec–Intel untuk berhubung dengan syarikat-syarikat tempatan yang berminat untuk menggunakan pakai Platform uSFF itu. Satu demonstrasi tentang Platform uSFF dan kegunaannya juga telah dijalankan untuk mempercepatkan pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada industri tempatan.

ini melibatkan pembuatan *precision machined components* untuk pemasangan *fan cowls* bagi tempoh 17 tahun akan datang.

Di samping dua acara ini, MIDA juga menganjurkan tiga lagi acara perniagaan sempena LIMA 2013 – Seminar Mengenai Peluang Pelaburan dalam Industri Aeroangkasa di Malaysia, Taklimat Mengenai Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) dan Jamuan Networking.

## WARGA MALAYSIA BERBAKAT

MIDA menyedari keperluan Malaysia untuk mempunyai bekalan bakat yang mampan untuk jangka panjang

Book of Records sebagai Ekspo Pekerjaan terbesar yang dianjurkan di Malaysia dengan lebih daripada 300 majikan dan menarik lebih daripada 170,000 pengunjung. MIDA ialah Penaja Platinum acara itu.

Pada masa kini tumpuan MIDA adalah untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi daripada syarikat-syarikat yang menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi yang menyokong momentum Program Transformasi Ekonomi. Agensi ini telah membangunkan beberapa program bagi menangani isu tersebut dan telah juga menuhubukkan bahagian khusus untuk memenuhi keperluan modal insan para pelabur dengan cara memudahkan pencarian bakat yang sesuai untuk syarikat-syarikat. Dengan memanfaatkan perangkaianya yang rapat dengan pelbagai kementerian dan agensi, institusi pendidikan dan latihan serta agensi dan industri perekutan, MIDA telah dapat mengukur jurang kuantitatif dan kualitatif antara industri dengan penyedia pendidikan dan latihan.

Majlis pertukaran MOU itu disaksikan oleh Y.B. Dato' Seri Mohd Shafie Bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Y.B. Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan / Pengerusi Pemuda BN. MIDA juga mengumpul maklumat mengenai 765 kekosongan jawatan daripada 23 projek yang diluluskan dan menerbitkan maklumat itu dalam laman web mikro bakat yang khusus untuk pencari kerja menyerahkan resume mereka kepada syarikat-syarikat. Setakat 22 November 2013 sejumrah 295 kekosongan telah diisi.

**Dengan memanfaatkan perangkaianya yang rapat dengan pelbagai kementerian dan agensi, institusi pendidikan dan latihan serta agensi perekutan dan industri, MIDA telah dapat mengukur jurang kuantitatif dan kualitatif antara industri dengan penyedia pendidikan dan latihan.**

#### PENJELAJAHAN GLOBAL

MIDA telah menerima pakai pendekatan perniagaan ekosistem strategik yang baharu dalam menjalankan



Seorang pegawai MIDA membantu pengunjung dengan pendaftarannya di Persidangan Kebangsaan Sektor Perkhidmatan (National Conference on Services Sector, NCCS).

program dan aktiviti promosinya yang selari dengan Model Ekonomi Baharu (NEM) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Agensi itu diwujudkan khusus untuk menguatkan persekitaran pelaburan asing Malaysia dan memberi tumpuan kepada menjana pelaburan berkualiti ke dalam teknologi baharu dan yang memuncul yang diperlukan untuk Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Untuk membantu negara mencapai matlamatnya, MIDA berusaha untuk menjadikan Malaysia satu usul pelaburan yang unik dan menarik.

MIDA telah menerima lebih daripada 1,000 pertanyaan daripada syarikat-syarikat asing dan tempatan yang berminat untuk mengambil kesempatan daripada sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan negara yang pesat berkembang pada tahun 2013. Agensi ini juga telah menerima lebih daripada 300 kunjungan daripada perwakilan asing sepanjang tahun, dan kesemuanya telah diberi taklimat ringkas tentang keseluruhan dasar, kemudahan dan insentif negara yang mesra perniagaan. MIDA telah juga memberi pembentangan terperinci kepada pengunjung yang berminat tentang peluang-peluang pelaburan di sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan Malaysia.

MIDA melaksanakan pelbagai program dan aktiviti promosi pada tahun 2013 untuk mempromosikan serta menarik pelaburan asing ke dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan Malaysia. Program-program ini disasarkan untuk menarik pelaburan baharu serta menggalakkan pelaburan semula dalam industri berteknologi tinggi, berintensif modal, berintensif pengetahuan dan nilai ditambah

## Harimau Asia Kembali

Forum MIDA yang pertama kali diadakan menarik kehadiran usahawan, pembuat keputusan, pelabur dan pembuat dasar terbaik dari seluruh dunia untuk membincangkan peranan strategik Malaysia dalam Asia. Forum yang diadakan pada 18–20 November 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menekankan dominasi Asia sebagai pusat baharu ekonomi global pada abad ke-21 dan peranan penting Malaysia dalam ASEAN yang akan merangka Era Asia.

Forum itu telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan ucapan alu-aluan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Penceramah lain termasuk Encik Robin A. Martin, Pengarah Urusan Intel Malaysia, yang berkongsi pengalaman Intel dalam menjalankan perniagaan di Malaysia sejak 1970-an, serta Encik Parag Khanna, Fellow Kanan di New America Foundation yang bercakap tentang "Mimpi ASEAN: Peluang Asia bagi Dunia dalam Peralihan". Sesi penceramah itu telah dikendalikan oleh Encik Marc P Mealy, Naib Presiden – Dasar, Majlis Perniagaan Amerika Syarikat–ASEAN (US–ASEAN Business Council).

Forum ini turut dihadiri lebih daripada 1,300 peserta yang mewakili syarikat-syarikat terkemuka,



Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucaptamanya di Forum MIDA 2013.

persatuan-persatuan, dewan-dewan perniagaan, pembuat-pembuat dasar dan pegawai-pegawai kerajaan daripada 33 negara termasuk Amerika Syarikat, Jepun, China, Jerman, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, Singapura dan Taiwan. Para peserta memperoleh maklumat dan pandangan mengenai peluang dan cabaran yang disediakan oleh Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang ideal dalam Era Asia.

Forum itu diakhiri dengan perbincangan ahli panel tentang masa depan empat industri iaitu teknologi hijau, minyak & gas, elektronik termaju dan aeroangkasa.

tinggi. Program-program ini termasuk enam misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia dari Kerajaan-kerajaan negeri, koridor-koridor ekonomi serantau serta wakil-wakil daripada sektor swasta.

MIDA telah juga menganjurkan 28 Misi Projek Khusus ke luar negara pada tahun 2013 mensasarkan syarikat-syarikat terpilih dalam banyak negara. Misi-misi ini terutamanya memberi tumpuan kepada syarikat yang berkaitan dengan teknologi tinggi, intensif modal, intensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi. Pegawai-pegawai MIDA telah juga menyertai tiga seminar dan taklimat perniagaan antarabangsa yang merupakan sebahagian daripada strategi promosi.

Salah satu daripada acara kemuncak tahun 2013 ialah misi MIDA ke Eropah pada Jun 2013, yang menarik pelaburan potensi sebanyak kira-kira RM2.2 bilion. Pelaburan potensi ini adalah dalam sektor seperti kelengkapan pengangkutan; teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); tenaga boleh diperbarui; mengitar semula bahan buangan keluli industri; aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) dan pendidikan dan latihan.

Misi ini yang merangkumi Manchester, Dublin dan Paris diketuai oleh bekas Ketua Pegawai Eksekutif MIDA Datuk Noharuddin Nordin. Seminar-seminar yang diadakan di ketiga-tiga bandar raya itu telah menarik lebih daripada 300 peserta daripada komuniti perniagaan setempat. Di samping itu, MIDA juga

mengadakan perbincangan satu-sama-satu dengan beberapa pemimpin tertinggi perniagaan dan tokoh industri.

### PENTING BUAT ASEAN

Zon ekonomi ASEAN telah berkembang pesat sepanjang dekad lalu, dengan KDNK tergabung meningkat hampir 170 peratus kepada anggaran AS\$2.2 trilion. Pertumbuhan KDNK ASEAN berada pada paras 5.2 peratus pada tahun 2012, dan *IMF World Economic Outlook* 2012 menjangkakan ia akan terus berkembang pada kadar di antara lima dan enam peratus setahun bagi tempoh 2013 hingga 2107. Perdagangan global ASEAN dengan dunia luar mencecah AS\$2.4 trilion pada tahun 2011.

Meskipun pertumbuhan keseluruhan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam Asia Tenggara antara tahun 2009 dan 2013 semakin perlahan, namun begitu FDI ke dalam ASEAN meningkat tujuh peratus kepada AS\$125.4 bilion pada tahun 2013, dengan Singapura mengekalkan kedudukannya sebagai penerima FDI terbesar di rantau ini. Ekonomi-ekonomi baru muncul ASEAN jelas menuju ke arah transformasi ekonomi atas usaha masing-masing, memanfaatkan dinamisme Asia untuk mempengaruhi ekonomi global sambil memenuhi agenda sendiri. Peranan Malaysia dalam ASEAN amatlah penting dalam perkembangan ini, terutamanya dalam konteks Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA).

**Meskipun pertumbuhan keseluruhan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam Asia Tenggara antara tahun 2009 dan 2013 semakin perlahan, namun begitu FDI ke dalam ASEAN meningkat tujuh peratus kepada AS\$125.4 bilion pada tahun 2013.**

ACIA dijangka memudahkan transformasi ASEAN sebagai hab pelaburan yang mampu bersaing secara berkesan dengan ekonomi-ekonomi baru muncul lain dalam menarik FDI dan pelaburan intra-ASEAN. Ia merangkumi kesemua empat aspek utama pelaburan:

liberalisasi, pemudahan, perlindungan dan promosi. Bersama-sama Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS), ACIA akan menentukan perjalanan perniagaan dalam ASEAN dan dengan ASEAN. Ia merupakan rangka kerja perundangan terakhir bagi merealisasikan AEC pada 31 Disember 2015.

Kadar pelaksanaan keseluruhan inisiatif-inisiatif ASEAN sehingga Disember 2012 ialah 74.5 peratus. Setakat Mac 2013 kadar pelaksanaan Malaysia sendiri ialah 87.7 peratus, suatu angka yang membanggakan, dengan pelaksanaan penuh 300 langkah daripada 342 langkah yang ditetapkan dalam Rangka Tindakan AEC. Malaysia telah juga menghapuskan duti ke atas perdagangan intra-ASEAN, meliberalisasikan 96 subsektor perkhidmatan, memudahkan prosedur-prosedur kastam dan melaksanakan inisiatif-inisiatif lain meliputi ketersambungan pengangkutan, pertanian, telekomunikasi, pelancongan dan penjagaan kesihatan. Satu lagi keutamaan penting ASEAN adalah mempertingkatkan pangkalan data bagi halangan-halangan bukan tarif ASEAN (NTMs) dan memperkuuhkan penglibatan dengan sektor swasta bagi menangani halangan perdagangan bukan-tarif.

Semua negara ASEAN kini berusaha gigih untuk menepati sasaran yang ditetapkan untuk liberalisasi berperingkat terhadap perdagangan dalam barang-barang, kerjasama dalam pemudahan urusan kastam dan perdagangan, serta pengurangan kos dan halangan dalam menjalankan perniagaan di rantau ini. Faedah-faedah daripada ACIA juga diperluaskan kepada pelabur asing yang berpangkalan di ASEAN. Untuk meningkatkan kesedaran mengenai ACIA dan peluang-peluang yang akan ada satu forum bertema "Transforming Investment in ASEAN through ACIA" telah dianjurkan oleh ASEAN dan disokong oleh Australian Agency for International Development (AusAID) melalui ASEAN-Australia Development Cooperation Program II (AADCP II) dan MIDA.

Forum itu dijalankan dalam empat sesi dan dikendalikan oleh pakar runding daripada *World Trade Institute* dari *University of Bern*, Switzerland. Sesi pertama membincangkan cabaran-cabaran dalam melaksanakan ACIA dan skop untuk menambah pelaburan Intra-ASEAN dalam konteks ketentuan ekonomi global. Sesi kedua membincangkan



Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) dijangka memudahkan transformasi ASEAN sebagai hab pelaburan yang akan dapat bersaing secara berkesan dengan ekonomi-ekonomi baru muncul yang lain dalam menarik FDI dan pelaburan intra-ASEAN.

empat tonggak ASEAN dan bagaimana ia boleh meningkatkan ASEAN sebagai satu hab pelaburan. Sesi ketiga membincangkan bagaimana ACIA akan memberi impak kepada iklim pelaburan dalam negara-negara ahli baharu ASEAN seperti Kemboja, Lao PDR dan Myanmar serta bagaimana ia mungkin membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara-negara itu dan merapatkan jurang pembangunan dalam ASEAN. Sesi terakhir membincangkan prospek untuk melabur dalam ASEAN di bawah ACIA dan harapan para pelabur tentang mekanisme pelaburan intra-ASEAN.

Forum ini juga menyaksikan pelancaran ACIA "Handbook for Investment Promotion Agencies (IPA) Officials" dan "ACIA Guidebook for Businesses and Investors" yang akan memberi kesemua maklumat dasar yang diperlukan oleh pelabur dan pegawai kerajaan untuk menguruskan ACIA dan impaknya di bawah AEC. Penerbitan-penerbitan itu telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

ASEAN menyumbang 27 peratus (RM358.1 bilion) daripada perdagangan luar Malaysia berbanding 25 peratus (RM330.8 bilion) pada tahun 2011. Malaysia juga merupakan antara negara pelabur utama dalam beberapa Anggota Negara ASEAN – aliran FDI dari Malaysia ke Negara-negara Anggota ASEAN lain adalah sebanyak RM22.1 bilion pada

tahun 2012 manakala aliran masuk dari Negara-negara Anggota ASEAN lain ke Malaysia berjumlah RM23.2 bilion. ACIA dan perjanjian ASEAN yang lain akan membantu meningkatkan reputasi Malaysia sebagai salah satu destinasi pelaburan asing terkemuka di dunia. Malaysia menjadi pengerus mesyuarat ASEAN pada tahun 2015 dan akan menyaksikan pencapaian Komuniti ASEAN.

### JAGUH TEMPATAN

Lebih 72.5 peratus daripada pelaburan keseluruhan yang diluluskan pada tahun 2013 adalah daripada pelabur tempatan dan ini mencerminkan keyakinan syarikat-syarikat tempatan dalam menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2013, MIDA memacu pertumbuhan juara tempatan secara berterusan melalui pelbagai seminar, bengkel dan aktiviti promosi pelaburan.

MIDA telah menganjurkan enam seminar / bengkel untuk industri khusus dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pengangkutan, Bahagian Minyak dan Gas, Bahagian Elektrik & Elektronik dan Bahagian Teknologi Bersih & Pengurusan Alam Sekitar dan Bahagian Jentera & Kejuruteraan Lanjut. Objektif seminar / bengkel itu adalah untuk memaklumkan trend terkini dalam industri serta menyebarkan maklumat mengenai

peluang perniagaan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Seminar-seminar itu juga digunakan sebagai platform yang ideal untuk menyampaikan inisiatif dan insentif kerajaan kepada komuniti perniagaan tempatan.

### **Lebih 72.5 peratus daripada pelaburan keseluruhan yang diluluskan pada tahun 2013 adalah daripada pelabur tempatan dan ini mencerminkan keyakinan syarikat-syarikat tempatan dalam menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP).**

MIDA telah juga menganjurkan sembilan acara perangkaian di bawah inisiatif rangkaian Rakan Pelaburan Domestik (*Friends of Domestic Investment*, FODI). Program FODI dianjurkan bersama-sama pemimpin-pemimpin industri utama di peringkat negeri yang bertujuan untuk menjalin semula saluran komunikasi antara MIDA dan pemimpin industri tempatan dan syarikat-syarikat terkemuka. Di samping itu, pegawai-pegawai MIDA bertemu wakil-wakil kanan dari Hong Leong Group dan Tan Chong Group pada tahun 2013 sebagai sebahagian daripada usaha agensi ini bagi membantu konglomerat tempatan menjadi peneraju dalam ekosistem masing-masing.

MIDA juga bekerjasama rapat dengan dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan perniagaan tempatan pada tahun 2013. Pada bulan Ogos, agensi menganjurkan satu seminar mengenai Inisiatif Pelaburan Langsung Domestik di Premiere Hotel di Klang dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Cina (KCCCI). Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Phang Ah Tong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II MIDA.

Seminar sehari di Klang itu menarik kira-kira 150 peserta dan merupakan platform untuk sesi networking dan pertukaran pandangan mengenai dasar, inisiatif, peluang dan kemudahan kerajaan yang disediakan untuk komuniti perniagaan, terutamanya di Selangor. Datuk Phang menggesa perniagaan di Selangor supaya mengambil iktibar daripada landskap domestik yang berubah-ubah untuk mempercepatkan peralihan mereka ke dalam industri nilai ditambah yang tinggi, teknologi tinggi, intensif pengetahuan

Pada bulan Julai 2013, Hotel InterContinental di Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Persidangan

dan berdasarkan inovasi jika mereka belum berbuat demikian lagi. Pegawai-pegawai MIDA juga memberi taklimat ringkas keseluruhan mengenai faedah Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bernilai RM1 bilion.


Seminar di Klang itu diikuti oleh satu lagi seminar dan Program B2B untuk Peluang Penyumberan Luar dalam Industri Peranti Perubatan dan Jentera & Kelengkapan di Hotel Eastern & Oriental di Pulau Pinang pada Oktober 2013. Seminar itu memberikan komuniti perniagaan tempatan dengan maklumat terkini mengenai dasar kerajaan, insentif, kemudahan dan perkhidmatan sokongan terkini yang sedia ada termasuk DISF.

### **MENGEMBANGKAN SEKTOR PERKHIDMATAN**

Pada tahun 2013, MIDA telah mengadakan satu siri seminar yang bertemakan ICT Services, Business & Professional Services and Regional Establishment & Supply Chain Management di seluruh negara untuk melonjakkan sektor perkhidmatan negara ke hadapan. Siri ini dimulakan di Pulau Pinang pada April 2013 di G Hotel, Gurney Drive. Ini diikuti dengan program yang sama di Grand Margherita Hotel di Kuching, Sarawak (Jun 2013) dan Hatten Hotel di Melaka (Oktober 2013). Seminar-seminar ini telah menarik kira-kira 100 peserta setiap satu.

Di ketiga-tiga acara tersebut, syarikat tempatan digesa untuk terlibat sepenuhnya dalam rantai nilai global dan selanjutnya meningkatkan nilai ditambah dalam keupayaan dan perkhidmatan serta memberi penekanan khusus kepada standard kualiti antarabangsa. Penglibatan Malaysia dalam mekanisme serantau dan antarabangsa seperti ASEAN akan mewujudkan lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan serta membolehkan perniagaan Malaysia untuk bekerjasama, saling melengkapi dan berkongsi sumber di kalangan negara anggota. Pembekal perkhidmatan di Malaysia perlu memanfaatkan peluang-peluang akses pasaran yang muncul daripada inisiatif ini sekiranya syarikat telah pun melengkapkan diri dan bersedia untuk persaingan serantau.

## **GERAN DISF DILULUSKAN, 2013**



## **DANA PELABURAN DOMESTIK SEBANYAK RM1 BILION**

bertujuan mempercepatkan penyertaan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri-industri nilai ditambah tinggi, teknologi tinggi, intensif pengetahuan dan berdasarkan inovasi. Sejumlah 71 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.89 bilion telah diluluskan berjumlah RM391.3 juta pada tahun 2013. Sebahagian besar daripada ini adalah untuk pembiayaan aktiviti R & D (38 peratus) dan memperoleh peralatan modal baharu (43 peratus). Seperti yang dijangka, sebahagian besar daripada geran yang diluluskan adalah bagi syarikat-syarikat dalam industri Elektrik & Elektronik (E & E) (40%) dan industri Jentera dan Kejuruteraan Maju (22%).

Sektor Perkhidmatan Kebangsaan 2013 (NSSC 2013). Bertemakan "Satu Pendekatan Ekosistem untuk Mentransformasikan Sektor Perkhidmatan Malaysia" NSSC 2013 telah mencatatkan rekod 700 kehadiran dan peserta diberi pendedahan penting mengenai sektor perkhidmatan Malaysia yang dinamik dan peluang-peluang baharu yang ditawarkan. Ia menampilkan dua sesi pleno mengenai Ekosistem dan Liberalisasi serta Bantuan dan Pembinaan Keupayaan. Kira-kira 400 peserta telah mengambil bahagian dalam klinik-klinik perniagaan dengan MIDA dan kementerian, agensi Kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkaitan untuk rundingan tentang pertanyaan khusus dan cadangan projek mereka.

Dalam ucapan pembukaannya di NSSC 2013, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menegaskan betapa pentingnya mengoptimumkan pendekatan bersepadan dan holistik dalam memacu pertumbuhan sektor perkhidmatan di negara ini. Malaysia telah menerima pakai pendekatan ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan kerana ekosistem yang kukuh memberi sebab yang lebih menarik untuk syarikat-syarikat kekal dan berkembang di Malaysia. Pendekatan ini mengambil kira model perniagaan yang sentiasa berkembang dan penyelesaian perniagaan yang sofistikated sering melibatkan hubungan di antara pelbagai aktiviti yang kompleks dan dinamik.

Usaha liberalisasi Kerajaan tidak akan menjelaskan industri perkhidmatan tempatan. Satu kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2012 mendapati liberalisasi telah memberi kesan positif kepada prestasi sektor perkhidmatan di Malaysia dengan menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti nilai ditambah dan melalui produktiviti pembekal perkhidmatan yang lebih baik. MIDA sedar bahawa kadar pembangunan sektor perkhidmatan di negara ini semakin meningkat dan liberalisasi yang progresif akhirnya akan meningkatkan daya saing keseluruhannya. MIDA juga telah menyusun semula dan mengembangkan tenaga kerja dalam bahagian Sektor Perkhidmatan supaya agensi ini boleh mempromosikan Malaysia dengan lebih berkesan sebagai destinasi pelaburan di kalangan pelabur tempatan dan asing.

## DANA STRATEGIK PELABURAN DOMESTIK

Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF) sebanyak RM1 bilion telah dilancarkan pada Julai 2012 oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Najib Tun Razak pada majlis perasmian ibu pejabat korporat baharu MIDA di KL Sentral. Dana itu bertujuan mempercepatkan penyertaan syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri nilai ditambah yang tinggi, teknologi tinggi, intensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. Paket bantuan itu akan memanfaatkan peluang-peluang penyumberan luar yang diwujudkan oleh syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia, meningkatkan perolehan teknologi oleh syarikat milik Malaysia dan membolehkan syarikat-syarikat sedemikian untuk mendapatkan standard dan pensijilan antarabangsa dalam industri strategik.

DISF menyediakan geran setara bagi menampung perbelanjaan yang ditanggung untuk melatih rakyat Malaysia; aktiviti R & D yang dijalankan di Malaysia; pemodenan dan peningkatan kemudahan dan peralatan untuk menjalankan aktiviti pembuatan atau perkhidmatan untuk syarikat multinasional (MNC) dan konglomerat Malaysia; mendapatkan standard / perakuan antarabangsa; dan pelesenan atau pembelian teknologi baharu / tinggi.

Sejumlah 71 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.89 bilion telah diluluskan geran sebanyak RM391.3 juta pada tahun 2013. Kebanyakan geran ini akan pergi ke arah pembiayaan R & D (38 peratus) dan memperoleh peralatan modal baru (43 peratus). Seperti yang dijangka, sebahagian besar daripada geran yang diluluskan itu adalah bagi syarikat-syarikat dalam industri Elektrik & Elektronik (E & E) (40 peratus) serta industri Jentera dan Kejuruteraan Maju (22 peratus).

Di bawah program DISF itu, MIDA akan menyesuaikan paket insentif berdasarkan keperluan setiap syarikat individu. Ini adalah untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat dapat mengekalkan diri mereka dalam jangka masa panjang. Sektor-sektor yang digalakkan di bawah DISF ialah aeroangkasa, peralatan perubatan, farmaseutikal, jentera dan kelengkapan, elektronik maju, dan perkhidmatan termasuk reka bentuk, R & D, pengujian, kualiti dan pensijilan standard, perkhidmatan kejuruteraan, latihan teknikal dan kemahiran dan penyedia perkhidmatan

## Syabas, Symmid!

MIDA dengan kerjasama MITI telah menganjurkan tiga Lawatan Turun Padang untuk YB Dato' Sri Mustapa Mohamed pada tahun 2013, salah satu daripadanya adalah ke Symmid Corporation Sdn. Bhd. YB Dato' Sri Mustapa diiringi oleh YBhg. Datuk Phang Ah Tong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II MIDA dan pegawai-pegawai daripada MITI dan MIDA.

Symmid adalah sebuah syarikat reka bentuk semikonduktor tanpa fabrikasi yang berpangkalan di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan reka bentuk hujung-ke-akhir bagi Litar Bersepadu (IC) untuk syarikat-syarikat reka bentuk tanpa fabrikasi, syarikat-syarikat sistem elektronik dan semikonduktor, pengeluar peralatan dan penyedia perkhidmatan. Ia juga bekerjasama dengan institut pendidikan tempatan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM). Lawatan Turun Padang adalah sebahagian daripada usaha MITI dan MIDA untuk memupuk penglibatan dengan sektor swasta dan untuk mendapatkan pandangan mengenai cara-cara untuk menarik dan menggalakkan pelaburan semula oleh kedua-dua syarikat asing dan domestik.

Industri semikonduktor di Malaysia telah bergerak melampaui pembungkusan dan pengujian ke arah integrasi ke belakang ke dalam reka bentuk IC, pemotongan dan penggilapan wafer serta fabrikasi wafer. Sehingga kini, 27 syarikat reka bentuk IC



Seorang juruteknik di Symmid Corporation menunjukkan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed bagaimana litar bersepadu direka and diuji.

sedang beroperasi dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti pembangunan kad pintar, cip kad, produk memori flash, ingatan tidak meruap, reka bentuk bercampur analog dan digital dan reka bentuk RF. Operasi Symmid adalah sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti berpengetahuan tinggi, nilai ditambah tinggi dan berpendapatan tinggi. YB Dato' Sri Mustapa Mohamed juga berkata bahawa usaha syarikat itu dalam membangunkan saluran pekerja pengetahuan tempatan Malaysia yang amat diperlukan.

logistik. Industri yang berpotensi lain dipertimbangkan secara kes demi kes.

Pelaburan domestik disasarkan untuk akhirnya menyumbang 73 peratus daripada jumlah pelaburan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Daya saing yang berterusan negara ini bergantung kepada pengukuhan sektor perlindungan dan perkhidmatan yang akan mempercepatkan peralihan negara kepada yang bernilai ditambah tinggi, teknologi tinggi, intensif pengetahuan dan industri berasaskan inovasi. DISF adalah salah satu strategi yang sedang dilaksanakan yang akan membantu Malaysia membuat lonjakan

kuantum yang diperlukan dalam memacu agenda pelaburan nasional.

## PROGRAM TEMU SERU BESAR-BESARAN

Media massa memainkan peranan penting dalam agenda promosi pelaburan MIDA. Pada tahun 2013, pegawai-pegawai MIDA melawat Media Prima di Sri Pentas untuk mewujudkan hubungan dengan kumpulan media itu dan meneroka strategi komunikasi pemasaran yang berkesan untuk agensi. MIDA telah juga menganjurkan satu majlis makan malam perangkaian yang eksklusif bersama-sama editor dan

## Kemenangan Manis

Fasiliti canggih Hershey di Johor yang bernilai AS\$250 juta telah mencipta sejarah sebagai pelaburan tunggal terbesar di Asia oleh syarikat tersebut.

Kilang pembuatan konfeksi Syarikat Hershey di Johor bertujuan untuk memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat untuk produk-produknya di rantau yang paling pesat berkembang iaitu Asia. Kilang baharu ini akan menggunakan teknologi pembuatan konfeksi yang terkini termasuk inovasi-inovasi proprietari dalam teknologi membuat gula-gula yang dihasilkan mengikut spesifikasi Hershey.

Hershey telah melabur dalam perniagaannya di Asia untuk beberapa tahun. Bagaimanapun, pelaburan syarikat ini di Johor sebanyak AS\$250 (RM815.9 juta) merupakan pelaburan tunggal terbesar di Asia sepanjang tempoh 18 tahun. Ini merupakan bukti bahawa Malaysia mempunyai daya tarikan berterusan kepada syarikat multinasional untuk membuat komitmen yang besar di rantau ini dan akan membawa manfaat ekonomi yang positif untuk jangka masa yang panjang kepada Malaysia dalam bentuk pekerjaan dan perniagaan untuk pembekal-pembekal tempatan.



Wakil Hershey's Malaysia bersama-sama dengan Datuk Noharuddin Nordin, Ketua Pengarah Eksekutif MIDA menunjukkan ahli-ahli media gambar pandangan dari udara kilang baharu syarikat itu.

Lokasi kilang di Johor sebesar 700,000 kaki persegi itu adalah pilihan geografi yang strategik yang menyediakan Hershey akses pengedaran yang mudah kepada lebih daripada 25 pasaran di seluruh Asia. Malaysia juga menawarkan potensi tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, persekitaran politik yang stabil, infrastruktur rantaian bekalan yang kukuh dan pensijilan pembuatan makanan halal yang diiktiraf di peringkat global iaitu satu kelebihan bagi produk-produk yang dijual di rantau ini.

wartawan perniagaan dari meja perniagaan The Star untuk membina hubungan baik dan mewujudkan ikatan dengan akhbar yang terkemuka negara.

Sempena Forum MIDA yang pertama pada 18 November 2013, MIDA telah juga menganjurkan lawatan Malaysia untuk tiga wartawan terkemuka di bawah Program Lawatan Wartawan untuk membiasakan mereka dengan persekitaran pelaburan di negara ini. Tiga wartawan itu ialah Zhang Zhe

(Wartawan dan Koresponden Dunia, Oriental Morning Post, China), Matthew Fulco (Koresponden, China Daily) dan Giovanni Magi (Wartawan, Euronews, Perancis).

MIDA terus menjalankan aktiviti kesedaran awam dan perhubungan awam termasuk meletakkan iklan dan advertorial dalam banyak penerbitan tempatan dan asing sepanjang tahun. ■



Para hadirin di taklimat Dana Pelaburan Domestik (DISF) bersedia bergambar untuk para media di penghujung majlis tersebut.

# Penyata Kewangan



## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013



### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

#### Tanggungjawab Ahli Jemaah Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Jemaah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempalan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Ahli Jemaah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

#### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.


**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai ameun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

  
**(ONG SWEE LENG)**  
 b.p KETUA AUDIT NEGARA  
 MALAYSIA

PUTRAJAYA  
 16 JULAI 2014



**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH

Kami, **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ** dan **DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA** yang merupakan Pengurusi dan salah seorang Ahli Jemaah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, pada 31 Disember, 2013 dan hasil kendaiannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,

Bagi pihak Jemaah,

  
**TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**

PENGURUSI  
 30 JUN 2014  
 KUALA LUMPUR

  
**DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA**

AHLI JEMAAH  
 30 JUN 2014  
 KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN  
KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di KUALA LUMPUR )  
pada 30 JUN 2014 )

  
.....

DATO' AZMAN MAHMUD



Di hadapan saya,

Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013**

|                                     | Nota | 2013<br>(RM)       | 2012<br>(RM)       |
|-------------------------------------|------|--------------------|--------------------|
| <b>ASET TETAP</b>                   |      |                    |                    |
| Hartahan, loji dan peralatan        | 6    | 187,653,236        | 203,600,360        |
| Pembinaan dalam kemajuan            | 7    | 3,392,323          | 478,293            |
| Penghutang                          | 8    | 505,102            | 641,701            |
| <b>ASET SEMASA</b>                  |      |                    |                    |
| Penghutang                          | 8    | 57,712,811         | 1,318,979          |
| Pendahuluan                         |      | 193,934            | 212,257            |
| Deposit diberi                      |      | 6,629,466          | 6,492,232          |
| Bayaran terdahulu                   |      | 5,346,598          | 4,241,976          |
| Simpanan Tetap di bank berlesen     |      | 340,000,000        | 500,000,000        |
| Wang di bank dan di tangan          |      | 26,312,243         | 102,974,821        |
| <b>JUMLAH ASET SEMASA</b>           |      | <b>436,195,052</b> | <b>615,240,265</b> |
| <b>LIABILITI SEMASA</b>             |      |                    |                    |
| Akaun–akaun khas                    | 9    | 290,539,772        | 437,921,867        |
| Pelbagai pembiayaan                 | 10   | 54,484,820         | 38,365,307         |
| Manfaat pekerja jangka pendek       | 11   | 793,769            | 184,800            |
| <b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>      |      | <b>345,818,361</b> | <b>476,471,974</b> |
| <b>JUMLAH ASET SEMASA BERSIH</b>    |      | <b>90,376,691</b>  | <b>138,768,291</b> |
| <b>JUMLAH ASET BERSIH</b>           |      | <b>281,927,352</b> | <b>343,488,645</b> |
| <b>DIBIAYAI OLEH:</b>               |      |                    |                    |
| Kumpulan wang terkumpul mengurus    |      | 61,406,626         | 106,095,308        |
| Kumpulan wang terkumpul pembangunan | 16   | 208,405,207        | 225,640,657        |
| Kumpulan wang pinjaman kenderaan    |      | 3,000,000          | 3,000,000          |
| Kumpulan wang pembiayaan komputer   |      | 350,000            | 350,000            |
|                                     |      | <b>273,161,833</b> | <b>335,085,965</b> |
| <b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>     |      |                    |                    |
| Manfaat pekerja jangka panjang      | 11   | 8,765,519          | 8,402,680          |
|                                     |      | <b>281,927,352</b> | <b>343,488,645</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

|                                       | Nota | 2013<br>(RM)         | 2012<br>(RM)       |
|---------------------------------------|------|----------------------|--------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                     |      |                      |                    |
| Geran kerajaan                        |      | 140,000,000          | 163,431,300        |
| Lain-lain pendapatan                  | 12   | 20,694,851           | 22,572,260         |
|                                       |      | <b>160,694,851</b>   | <b>186,003,560</b> |
| <b>TOLAK: PERBELANJAAN</b>            |      |                      |                    |
| Emolumen                              | 13   | 81,094,988           | 65,274,696         |
| Lain-lain perbelanjaan                | 14   | 106,171,033          | 105,780,205        |
| Susutnilai                            | 6    | 18,117,512           | 19,564,109         |
|                                       |      | <b>205,383,533</b>   | <b>190,619,010</b> |
| <b>(KURANGAN) BERSIH TAHUN SEMASA</b> |      | <b>(44,688,682)*</b> | <b>(4,615,450)</b> |

\* Kurangan bersih tahun semasa sebanyak RM44,688,682 adalah dibiayai daripada rizab MIDA yang diluluskan oleh Jemaah MIDA.

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

|   | Kumpulan wang mengurus (RM) | Kumpulan wang Pembangunan (RM) | Kumpulan wang Pinjaman Kenderaan (RM) | Kumpulan wang pembiayaan komputer (RM) | Jumlah (RM)        |
|---|-----------------------------|--------------------------------|---------------------------------------|--|--------------------|
| <b>Baki pada 1 Januari 2012</b>                 | 110,710,758                 | 257,808,715                    | 3,000,000                             | 350,000                                | 371,869,473        |
| Terimaan dalam tahun                            | –                           | 3,200,000                      | –                                     | –                                      | 3,200,000          |
| Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan | (4,615,450)                 | (17,713,747)                   | –                                     | –                                      | (22,329,197)       |
| Penggunaan dalam tahun                          | –                           | (17,654,311)                   | –                                     | –                                      | (17,654,311)       |
| <b>Baki pada 31 Disember 2012</b>               | <b>106,095,308</b>          | <b>225,640,657</b>             | <b>3,000,000</b>                      | <b>350,000</b>                         | <b>335,085,965</b> |
| Pindahan geran pembangunan ke akaun-akaun khas  | –                           | (1,493,106)                    | –                                     | –                                      | (1,493,106)        |
| Lebihan/(kurangan) pendapatan atas perbelanjaan | (44,688,682)                | 789,157                        | –                                     | –                                      | (43,899,525)       |
| Penggunaan dalam tahun                          | –                           | (16,531,501)                   | –                                     | –                                      | (16,531,501)       |
| <b>Baki pada 31 Disember 2012</b>               | <b>61,406,626</b>           | <b>208,405,207</b>             | <b>3,000,000</b>                      | <b>350,000</b>                         | <b>273,161,833</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013**

|   | Nota | 2013 (RM)           | 2012 (RM)          |
|---|------|---------------------|--------------------|
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>             |      |                     |                    |
| (Kurangan) Bersih Tahun Semasa                            |      | (44,688,682)        | (4,615,450)        |
| Pelarasan bagi:   |      |                     |                    |
| Faedah atas deposit di bank                               |      | (3,270,010)         | (3,298,496)        |
| Hibah atas Pembiayaan Komputer                            |      | (1,397)             | (2,773)            |
| Faedah atas Pinjaman Kenderaan                            |      | (31,705)            | (37,217)           |
| Faedah atas Deposit                                       |      | (4,247)             | (1,302)            |
| Keuntungan Atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan    |      | –                   | (2,868)            |
| Kerugian atas penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan      |      | 9,268               | 369,709            |
| Pengiktirafan Geran Tertunda                              |      | (16,531,501)        | (17,654,311)       |
| Susutnilai  | 6    | 18,117,512          | 19,564,109         |
| Peruntukan Manfaat Pekerja                                |      | 1,425,811           | 3,346,058          |
| Hapuskira Penghutang                                      |      | 1,737               | 17,480             |
| <b>(Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>   |      | <b>(44,973,214)</b> | <b>(2,315,061)</b> |
| Perubahan Modal Kerja [Kurangan/(tambahan)]               |      |                     |                    |
| Penghutang  |      | (56,258,970)        | 4,971,624          |
| Pendahuluan   |      | 18,323              | 308,274            |
| Deposit Diberi  |      | (137,234)           | 1,179,999          |
| Bayaran Terdahulu [Kurangan/(tambahan)]                   |      | (1,104,622)         | 467,875            |
| Pelbagai Pemiutang  |      | 16,119,515          | (9,743,050)        |
| <b>Tunai (digunakan) daripada operasi</b>                 |      | <b>(86,336,202)</b> | <b>5,130,339</b>   |
| Pembayaran manfaat pekerja                                |      | (454,003)           | (308,436)          |
| <b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b> |      | <b>(86,790,205)</b> | <b>(5,438,775)</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

[Bersambung >>](#)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013 (SAMB)**

&lt;&lt; Sambungan

|  | Nota      | 2013<br>(RM)         | 2012<br>(RM)         |
|--|-----------|----------------------|----------------------|
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>  |           |                      |                      |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan   |           | (2,226,447)          | (72,260,532)         |
| Permodalan Projek ICT/Bangunan MIDA–Pembinaan Dalam Kemajuan                                       |           | 478,293              | 62,317,120           |
| Kutipan daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan  |           | 46,791               | 82,871               |
| Penerimaan Bagi Hibah Atas Pembiayaan Komputer   |           | 1,397                | 2,773                |
| Pembayaran bagi Pembinaan dalam Kemajuan   |           | (3,392,323)          | (478,293)            |
| Penerimaan Geran Pembangunan   |           | –                    | 3,200,000            |
| Pindahan Geran Pembangunan ke Akaun–Akaun Khas   |           | (1,493,106)          | –                    |
| Faedah Diterima – Kumpulan Wang Pembangunan  |           | 779,627              | 978,720              |
| Pendapatan sewa akaun pelaburan  |           | 21,395               | 39,412               |
| Pembayaran bagi perbelanjaan Pembangunan   |           | (11,865)             | (18,731,879)         |
| Penerimaan Geran Pembangunan – Akaun–Akaun Khas  |           | 223,679,071          | 206,096,176          |
| Faedah Diterima–Akaun–Akaun Khas   |           | 12,922,148           | 17,966,312           |
| Pembayaran bagi Akaun–Akaun Khas   |           | (383,983,316)        | (339,693,371)        |
| Faedah atas deposit di bank  |           | 3,270,010            | 3,298,496            |
| Faedah atas Pinjaman Kenderaan   |           | 31,705               | 37,217               |
| Faedah atas deposit  |           | 4,247                | 1,302                |
| <b>Tunai Bersih (Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan</b>   |           | <b>(149,872,373)</b> | <b>(137,143,676)</b> |
| <b>(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>  |           | <b>(236,662,578)</b> | <b>(142,582,451)</b> |
| <b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>   |           |                      |                      |
| Kesan kadar perubahan kadar pertukaran mata wang asing keatas tunai dan setara tunai               |           | (16,856)             | 325,446              |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan selepas kesan kadar pertukaran mata wang asing |           | 602,991,677          | 745,231,826          |
| <b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>  | <b>15</b> | <b>366,312,243</b>   | <b>602,974,821</b>   |

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN****b) Risiko kredit**

Risiko kredit dikawal dengan memastikan bahawa Penghutang Pinjaman mematuhi syarat-syarat pinjaman selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA.

**c) Risiko kecairan dan aliran tunai**

MIDA berusaha dalam mengurus geran-geran yang diterima dari kerajaan Persekutuan, aliran tunai operasi dan dana yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja agar pengagihan dan penggunaan dana dapat diselaraskan.

**4. Dasar-dasar perakaunan yang penting****a) Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1,000 seunit dan ke atas setiap satu atau harta, loji dan peralatan yang memerlukan penyelenggaraan secara berjadual tanpa mengira harga perolehan adalah dipermodalkan. Perabot, permaidani, langsir serta sekatan pejabat dan seumpamanya tanpa mengira kosnya tidak dipermodalkan.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak peruntukan susutnilai dan penjejasan aset UiKa ada) kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Perisian komputer yang dibeli secara pakej mengikut projek dipermodalkan. Susutnilai ke atas setiap harta, loji dan peralatan ditentukan berdasarkan kaedah garislurus berdasarkan anggaran jangka hayat harta, loji dan peralatan. Kadar-kadar susutnilai adalah seperti berikut:-

|                                  |                    |
|----------------------------------|--------------------|
| Bangunan                         | 2 peratus setahun  |
| Mesin dan peralatan pejabat      | 10 peratus setahun |
| Kenderaan                        | 20 peratus setahun |
| Komputer, peralatan dan perisian | 20 peratus setahun |
| Pengubahsuai pejabat             | 20 peratus setahun |

**b) Penghutang**

Hutang lapuk yang dapat dikenalpasti akan dihapuskira dan peruntukan akan dibuat ke atas hutang yang diragui akan pungutannya.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****c) Akaun Khas**

Segala terimaan dikreditkan dan segala penggunaan didebitkan kepada akaun tersebut. Baki Akaun Khas pada tarikh lembaran imbangannya diambilkira sebagai liabiliti.

Akaun Khas yang diuruskan oleh MIDA, dibiayai oleh pihak ketiga mengikut projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu.

**d) Geran-geran Kerajaan Persekutuan**

Geran mengurus tahunan yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan tahun semasa.

Lain-lain geran yang diterima untuk membiayai kos projek pembangunan atau untuk membiayai kos projek tertentu adalah dikreditkan ke kumpulan wang pembangunan atau kumpulan wang berkaitan. Segala kegunaan didebitkan ke kumpulan wang yang berkenaan. Baki pada tarikh lembaran imbangannya diambilkira sebagai baki kumpulan-kumpulan wang.

**e) Geran tertunda**

Geran tertunda adalah sebahagian daripada kumpulan wang pembangunan dan diiktiraf sebagai pendapatan dalam sesuatu tempoh bagi tujuan memadankan pendapatan tersebut dengan kos-kos yang berkaitan, dengan menggunakan asas yang sistematis.

**f) Pertukaran dan terjemahan matawang asing****(i) Urusniaga di dalam matawang asing**

Urusniaga di dalam matawang asing di sepanjang tahun telah ditukar kepada matawang Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga kecuali bagi kontrak yang disebut dalam matawang asing di mana kadar yang digunakan bagi maksud ini

ialah kadar yang dikenakan oleh Bank Negara atau mana-mana kadar bank pada tarikh pembayaran dibuat.

Harta dan tanggungan kewangan dalam matawang asing pada tarikh lembaran imbangannya telah diterjemahkan kepada matawang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran rasmi yang disediakan oleh JANM pada tarikh tersebut.

Semua keuntungan atau kerugian pertukaran dan terjemahan telah diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

**(ii) Pejabat cawangan MIDA luar negara**

Operasi pejabat cawangan MIDA luar negara merupakan sebahagian daripada operasi Ibu Pejabat MIDA dan kadar pertukaran dan terjemahan adalah sama seperti polisi dinyatakan di atas.

**(iii) Kadar penutup**

Kadar penutup utama yang digunakan dalam pertukaran amaun matawang asing adalah seperti berikut:

| Matawang           | 2013 (RM) | 2012 (RM) |
|--------------------|-----------|-----------|
| US Dollar          | 3.2297    | 3.0902    |
| Australian Dollar  | 3.0158    | 3.2136    |
| Euro               | 4.3557    | 3.9654    |
| British Pound      | 5.1960    | 4.9358    |
| China Renminbi     | 0.5301    | 0.4956    |
| Swedish Krona      | 49.0327   | 46.1024   |
| Japanese Yen       | 3.2334    | 3.8191    |
| Taiwan Dollar      | 10.9400   | 10.6033   |
| South Korea Won    | 0.3039    | 0.2841    |
| UAE Dirham         | 87.0174   | 83.3206   |
| Indian Rupee       | 5.1638    | 5.6465    |
| Singapore Dollar   | 2.5899    | 2.5252    |
| Thai Baht          | 10.2140   | 10.0636   |
| South African Rand | 0.3164    | 0.3515    |

**g) Pengiktirafan pendapatan**

Faedah bank dan pendapatan sewa tanah diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan prinsip perakaunan terakru. Faedah atas deposit di bank yang diterima atau dikenalpasti secara khusus kepada

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)**

kumpulan wang pembangunan atau akaun-akaun khas adalah dikreditkan terus kepada kumpulan wang pembangunan atau akaun-akaun khas.

**h) Manfaat kakitangan MIDA****(i) Manfaat Jangka Pendek**

Gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan pekerja yang diiktiraf sebagai perbelanjaan tahun semasa.

**(ii) Pelan Caruman Tetap**

MIDA mencarum dalam skim persaraan yang diwajibkan oleh kerajaan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan Wang Amanah Pencen. Caruman yang dibuat diiktiraf sebagai perbelanjaan. Apabila caruman tersebut dibayar, pihak MIDA tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan pada masa hadapan.

**(iii) Manfaat Jangka Panjang****Gantian cuti rehat:**

Wang tunai gantian cuti rehat adalah faedah yang diberi kepada pekerja dalam bentuk wang tunai bagi menggantikan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan sehingga maksima 150 hari dan dibayar pada hari berkerja terakhir. Perkiraan manfaat pekerja jangka panjang berdasarkan kepada jumlah cuti bagi gantian cuti rehat yang dikumpulkan dan gaji tahunan dan eluan tetap pada tarikh lembaran imbangannya.

**i) Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merupakan aset yang mempunyai tahap kecairan yang tinggi, sedia ditukar kepada tunai serta kurang risiko perubahan dalam nilai.

**j) Penjejasan nilai aset**

Amaun yang dibawa bagi aset disemak semula untuk menentukan samada terdapat penurunan aset berkenaan terjejas. Kerugian penjejasan dicajkan sertamerta di dalam penyata pendapatan. Peningkatan di dalam amaun boleh pulih sesebuah aset dianggap sebagai penerbalikan kerugian penjejasan sebelumnya dan diiktirafkan setakat amaun dibawa bagi aset yang ditentukan (setelah ditolak pelunasan dan susutnilai) yang tiada pengiktirafan kerugian penjejasan. Penerbalikan diiktiraf sertamerta dalam penyata pendapatan.

**k) Nilai saksama kewangan**

Nilai dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan berhampiran nilai saksamanya pada tarikh lembaran imbangannya.

**l) Dasar kematangan**

Struktur kematangan penghutang adalah seperti berikut:-

- (i) Matang dalam tempoh 12 bulan
- (ii) Matang dalam tempoh melebihi 12 bulan

**5. Cukai**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****6. Hartanah, loji dan peralatan**

|  | Jumlah Kecil (a)  |                   |   |                   |                  |                            | Komputer dan Peralatan         |                            | Mesin & Peralatan Pejabat      |                  | Jumlah Kecil (b) | Jumlah (RM)       |                    |
|--|-------------------|-------------------|---|-------------------|------------------|----------------------------|--------------------------------|----------------------------|--------------------------------|------------------|------------------|-------------------|--------------------|
|  | Tanah Milik Bebas | Bangunan (RM)     | Pengubahaian Pejabat (Pembangunan) (RM) | Kenderaan (RM)    | Jumlah Kecil (a) | Kumpulan Wang Operasi (RM) | Kumpulan Wang Pembangunan (RM) | Kumpulan Wang Operasi (RM) | Kumpulan Wang Pembangunan (RM) | Jumlah Kecil (b) | 2013 (a + b)     | 2012              |                    |
| <b>KOS</b>                                 |                   |                   |   |                   |                  |                            |                                |                            |                                |                  |                  |                   |                    |
| Pada 1 Januari                             | 326,810           | 42,000,000        | 106,917,902                             | 41,111,174        | 8,846,015        | 199,201,901                |                                | 4,565,032                  | 43,727,800                     | 1,158,617        | 2,080,770        | 51,532,218        | 250,734,119        |
| Pelarasan                                  | –                 | –                 | –                                       | –                 | –                | –                          |                                | –                          | –                              | –                | (13,000)         | (13,000)          | (13,000)           |
| Pertambahan                                | –                 | –                 | –                                       | –                 | 1,032,934        | 1,032,934                  |                                | 189,907                    | 973,600                        | 41,706           | –                | 1,205,213         | 2,238,147          |
| Pelupusan                                  | –                 | –                 | –                                       | –                 | (88,736)         | (88,736)                   |                                | (30,870)                   | –                              | (17,112)         | –                | (47,982)          | (136,718)          |
| Pada 31 Disember                           | 326,810           | 42,000,000        | 106,917,902                             | 41,111,174        | 9,790,213        | 200,146,099                |                                | 4,724,069                  | 44,701,400                     | 1,183,211        | 2,067,770        | 52,676,449        | 252,822,548        |
| <b>SUSUTNILAI TERKUMPUL</b>                |                   |                   |   |                   |                  |                            |                                |                            |                                |                  |                  |                   |                    |
| Pada 1 Januari                             | –                 | –                 | 6,411,241                               | 8,222,235         | 6,940,426        | 21,573,902                 |                                | 3,746,015                  | 20,956,498                     | 649,269          | 208,075          | 25,559,857        | 47,133,759         |
| Pelarasan                                  | –                 | –                 | –                                       | –                 | –                | –                          |                                | –                          | –                              | –                | (1,300)          | (1,300)           | (1,300)            |
| Pelupusan                                  | –                 | –                 | –                                       | –                 | (35,494)         | (35,494)                   |                                | (30,014)                   | –                              | (15,151)         | –                | (45,165)          | (80,659)           |
| Susutnilai tahun ini                       | –                 | –                 | 2,138,358                               | 8,222,235         | 937,875          | 11,298,468                 |                                | 562,566                    | 5,964,133                      | 85,570           | 206,775          | 6,819,044         | 18,117,512         |
| Pada 31 Disember                           | –                 | –                 | 8,549,599                               | 16,444,470        | 7,842,807        | 32,836,876                 |                                | 4,278,567                  | 26,920,631                     | 719,688          | 413,550          | 32,332,436        | 65,169,312         |
| <b>NILAI DIBAWA PADA 31 DISEMBESR 2013</b> | <b>326,810</b>    | <b>42,000,000</b> | <b>98,368,303</b>                       | <b>24,666,704</b> | <b>1,947,406</b> | <b>167,309,223</b>         |                                | <b>445,502</b>             | <b>17,780,769</b>              | <b>463,523</b>   | <b>1,654,220</b> | <b>20,344,014</b> | <b>187,653,236</b> |
| <b>NILAI DIBAWA PADA 31 DISEMBESR 2012</b> | <b>326,810</b>    | <b>42,000,000</b> | <b>100,506,661</b>                      | <b>32,888,939</b> | <b>1,905,589</b> | <b>177,627,999</b>         |                                | <b>819,016</b>             | <b>22,771,302</b>              | <b>509,348</b>   | <b>1,872,695</b> | <b>25,972,361</b> | <b>–</b>           |
|  |                   |                   |   |                   |                  |                            |                                |                            |                                |                  |                  |                   | <b>203,600,360</b> |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****7. Pembinaan dalam kemajuan**

|   | Baki pada<br>1.1.2013<br>(RM) | Dipermodalkan/<br>Dipindahkan (RM) | Pembayaran<br>dalam tahun<br>(RM) | Baki pada<br>31.12.2013<br>(RM) |
|---|-------------------------------|------------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------|
| Pengubhsuaian<br>Bangunan Ibu Pejabat<br>MIDA, KL Sentral         | –                             | –                                  | 3,323,538                         | 3,323,538                       |
| Perunding Pengurusan Projek<br>Pengubhsuaian Bangunan Ibu Pejabat | –                             | –                                  | 46,900                            | 46,900                          |
| Perolehan kereta<br>pejabat                                       | –                             | –                                  | 21,885                            | 21,885                          |
| Pekakasan, Perisian dan<br>Pemasangan IT                          | 478,293                       | (478,293)                          | –                                 | –                               |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>478,293</b>                | <b>(478,293)</b>                   | <b>3,392,323</b>                  | <b>3,392,323</b>                |

**8. Penghutang**

|                                  | 2013 (RM)         | 2012 (RM)        |
|----------------------------------|-------------------|------------------|
| Pelbagai penghutang              | 57,538,234        | 1,084,880        |
| Penghutang – pinjaman kenderaan  | 658,355           | 824,725          |
| Penghutang – pembiayaan komputer | 21,324            | 51,075           |
|                                  | <b>58,217,913</b> | <b>1,960,680</b> |
| Terimaan dalam tempoh 12 bulan   | 57,712,811        | 1,318,979        |
| Terimaan melebihi 12 bulan       | 505,102           | 641,701          |
|                                  | <b>58,217,913</b> | <b>1,960,680</b> |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****9. Akaun-akaun khas**

|   | Dana Pelaburan<br>Strategik,<br>Dana Projek<br>Berimpak<br>Tinggi dan<br>Dana Strategik<br>Pelaburan<br>Tempatan | Dana<br>Menaiktaraf dan<br>Memperbaiki<br>Infrastruktur<br>Asas Kawasan<br>Perindustrian<br>Sedia Ada/<br>NKEA-HAZMAT | Dana Kajian<br>Perindustrian<br>dan Lain-<br>Lain | Baki Pada<br>Tahun 2013 | Baki Pada<br>Tahun 2012 |
|---|--|---|---|-------------------------|-------------------------|
| <b>Baki pada<br/>1 Januari 2013</b>           | 362,330,814  | 74,261,860  | 1,329,195   | 437,921,869             | 553,552,750             |
| Terimaan                                      | 184,000,000  | 38,000,000  | 136,225   | 222,136,225             | 206,096,176             |
| Pindahan dari<br>kumpulan wang<br>pembangunan | –  | –   | 1,542,846   | 1,542,846               | –                       |
| Faedah atas<br>deposit di bank                | 10,913,594   | 2,006,853   | 1,701   | 12,922,148              | 17,966,312              |
| Pelarasan                                     | (320,049,959)  | (61,980,023)  | (1,953,334)                                       | (383,983,316)           | (339,693,371)           |
| <b>Baki pada<br/>31 Disember 2013</b>         | <b>237,194,449</b>   | <b>52,288,690</b>   | <b>1,056,633</b>                                  | <b>290,539,772</b>      | <b>437,921,867</b>      |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****10. Pelbagai pemutang**

- (i) Dalam tahun 2013, bayaran sebanyak RM1,540,964 (2012: RM4,173,750) daripada peruntukan sebanyak RM50 juta bagi Projek Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (Services Sector Capacity Development Fund) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negara telah dibayar kepada syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan tempatan dan persatuan industri perkhidmatan/badan profesional. Projek ini adalah untuk membantu syarikat penyedia perkhidmatan tempatan meningkatkan kapasiti dan keupayaan selaras dengan hasrat kerajaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan.
- (ii) Dalam tahun 2013, sebanyak RM6,655,398 telah dibayar daripada peruntukan sebanyak RM18,000,000 bagi program 'National Key Economic Areas' (NKEAs) 'Business Services' – 'Entry Point Project 5' (EPP5) dan NKEA 'Business Services – Entry Point Project (EPP3): IC Design: Augmentation of Eda Tools for Enablers' – Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC).
- (iii) Penjelasan inbois adalah selaras dengan Peraturan Kewangan dan Perakaunan MIDA.
- (iv) Pecahan terhadap pelbagai pemutang mengikut Ringgit Malaysia dan matawang asing adalah seperti berikut:

| Matawang           | 2013<br>(RM)      | 2012<br>(RM)      |
|--------------------|-------------------|-------------------|
| Ringgit Malaysia   | 53,671,740        | 37,091,195        |
| US Dollar          | 106,038           | 152,760           |
| Australian Dollar  | 96,685            | 22,943            |
| Euro               | 131,043           | 295,786           |
| British Pound      | 35,948            | 127,211           |
| China Renminbi     | 94,409            | 79,865            |
| Swedish Krona      | 8,995             | 40,195            |
| Japanese Yen       | 72,224            | 156,047           |
| Taiwan Dollar      | 16,777            | 15,351            |
| South Korea Won    | 201,658           | 81,479            |
| UAE Dirham         | 16,486            | 26,876            |
| Singapore Dollar   | 9,834             | 23,831            |
| Indian Rupee       | 12,277            | 126,822           |
| Thai Baht          | –                 | 13,974            |
| South African Rand | 10,706            | 110,972           |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>54,484,820</b> | <b>38,365,307</b> |

**11. Manfaat pekerja**

| Peruntukan manfaat pekerja       | 2013<br>(RM)     | 2012<br>(RM)     |
|----------------------------------|------------------|------------------|
| Pada 1 Januari                   | 8,587,480        | 5,549,858        |
| Pelarasan                        | (1,234)          | (251,520)        |
| Bayaran                          | (454,003)        | (308,436)        |
| Pertambahan                      | 1,427,045        | 3,597,578        |
| <b>PADA 31 DISEMBER</b>          | <b>9,559,288</b> | <b>8,587,480</b> |
| Perlu dibayar dalam masa setahun | 793,769          | 184,800          |
| Perlu dibayar selepas satu tahun | 8,765,519        | 8,402,680        |
|                                  | <b>9,559,288</b> | <b>8,587,480</b> |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)****12. Lain-lain pendapatan**

|   | 2013<br>(RM)      | 2012<br>(RM)      |
|---|-------------------|-------------------|
| Pengiktirafan geran tertunda (Nota 16)                    | 16,531,501        | 17,654,311        |
| Faedah atas deposit di bank                               | 3,270,010         | 3,298,496         |
| Faedah atas pinjaman kenderaan                            | 31,705            | 37,217            |
| Hibah atas pembiayaan komputer                            | 1,397             | 2,773             |
| Faedah atas deposit                                       | 4,247             | 1,302             |
| Pendapatan sewa   | 598,902           | 438,905           |
| Keuntungan atas penjualan harta tanah, loji dan peralatan | –                 | 2,868             |
| Pelbagai pendapatan                                       | 257,089           | 1,136,388         |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>20,694,851</b> | <b>22,572,260</b> |

**13. Emolumen**

|                                     | 2013<br>(RM)      | 2012<br>(RM)      |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|
| Gaji dan upah                       | 53,247,287        | 33,381,213        |
| Elaun tetap                         | 11,268,366        | 15,226,588        |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 8,976,270         | 5,424,807         |
| Elaun lebih masa                    | 1,366,683         | 1,074,063         |
| Faedah-faedah kewangan yang lain    | 6,236,382         | 10,168,025        |
| <b>JUMLAH</b>                       | <b>81,094,988</b> | <b>65,274,696</b> |

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan

|     |     |
|-----|-----|
| 802 | 776 |
|-----|-----|

**14. Lain-lain perbelanjaan**

|   | 2013<br>(RM)       | 2012<br>(RM)       |
|---|--------------------|--------------------|
| Perjalanan dan sara hidup                               | 19,323,398         | 14,654,705         |
| Pengangkutan barang-barang                              | 1,544,010          | 1,473,219          |
| Perhubungan dan utiliti                                 | 20,103,641         | 18,167,824         |
| Sewa  | 27,406,419         | 33,771,724         |
| Bekalan dan bahan-bahan lain                            | 2,906,004          | 3,937,509          |
| Penyelenggaraan dan pemberian kecil                     | 5,679,448          | 7,984,270          |
| Perkhidmatan iktisias/lain dan hospitaliti              | 27,192,339         | 23,692,471         |
| Bayaran-bayaran lain                                    | 903,385            | 744,033            |
| Kerugian atas pertukaran matawang asing                 | 1,101,384          | 1,028,749          |
| Kerugian atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan | 9,268              | 308,221            |
| Hapuskira   | 1,737              | 17,480             |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>106,171,033</b> | <b>105,780,205</b> |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB)

### 15. Tunai dan kesetaraan tunai

| Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:- | 2013 (RM)          | 2012 (RM)          |
|---|--------------------|--------------------|
| Simpanan tetap di bank berlesen               | 340,000,000        | 500,000,000        |
| Tunai di bank–bank berlesen                   | 26,270,686         | 102,935,964        |
| Tunai dalam tangan                            | 41,557             | 38,857             |
| <b>JUMLAH</b>                                 | <b>366,312,243</b> | <b>602,974,821</b> |

Tunai termasuk tunai di bank, tunai dalam tangan dan deposit. Kesetaraan tunai termasuk simpanan tetap yang matang dalam tempoh sebulan dari tarikh simpanan bermula dan boleh ditukar kepada nilai tunai tertentu dengan risiko kecil dalam perubahan nilainya. Kadar purata faedah simpanan tetap bagi tahun 2013 adalah sebanyak **3.23 peratus** (2012: 3.07 peratus) dengan tempoh purata matang selama dua minggu.

Termasuk di dalam tunai dan kesetaraan tunai adalah baki matawang asing seperti berikut:

| Matawang           | 2013 (RM)          | 2012 (RM)          |
|--------------------|--------------------|--------------------|
| Ringgit Malaysia   | 358,887,573        | 595,170,281        |
| US Dollar          | 2,622,508          | 2,073,017          |
| Australian Dollar  | 236,081            | 288,667            |
| Euro               | 1,640,544          | 1,887,556          |
| British Pound      | 339,990            | 403,319            |
| China Renminbi     | 149,308            | 253,566            |
| Swedish Krona      | 141,391            | 133,068            |
| Japanese Yen       | 1,144,993          | 1,908,041          |
| Taiwan Dollar      | 77,997             | 61,437             |
| South Korea Won    | 47,992             | 74,720             |
| UAE Dirham         | 150,558            | 159,632            |
| Singapore Dollar   | 432,063            | 261,161            |
| Thai Baht          | 57,215             | 61,849             |
| Indian Rupee       | 302,894            | 171,455            |
| South African Rand | 81,136             | 67,052             |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>366,312,243</b> | <b>602,974,821</b> |

Termasuk juga di dalam tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun ialah baki akaun-akaun khas (Nota 9) berjumlah **RM290,539,772** (2012: RM437,921,867) yang hanya boleh digunakan untuk tujuan yang diluluskan.

